

BAB 3

LATAR BELAKANG TEORI DAN KAE DAH ANALISIS

3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan latar belakang teori dan kaedah kajian. Aspek yang diberi perhatian ialah kewartawanan dan komunikasi massa sebagai institusi sosial, penulisan kewartawanan sebagai satu bentuk wacana, retorik sebagai asas penggunaan bahasa yang berkesan dan retorik penulisan kewartawanan.

3.2 Retorik Kewartawanan dan Komunikasi Massa sebagai Institusi Sosial

Selama beberapa generasi ahli falsafah politik dan sosial melihat kewartawanan berasaskan andaian pentingnya peranan yang dimainkan oleh akhbar kepada masyarakat dan lebih-lebih lagi dalam konteks masyarakat demokratik. Menurut andaian ini ketiadaan maklumat tentang dunia akan menyebabkan warganegara tidak dapat memenuhi tanggungjawabnya dan demokrasi akan musnah. Oleh itu, akhbar dianggap menjadi tulang belakang sistem demokrasi (Everette E. Dennis, Arnold H. Ismach dan Donald M. Gillmor, 1994:ix). Akhbar dianggap mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar terhadap individu dan institusi masyarakat. Kepercayaan tentang kuasa dan pengaruh akhbar itu tergambar dalam pepatah *mata pena lebih tajam daripada mata pedang*. Napoleon Bonaparte malah mengatakan bahawa tiga buah akhbar yang tidak bekerjasama dengan pemerintah lebih berbahaya daripada tikaman 1,000 banet.


Para pengkaji propaganda percaya bahawa mesej komunikasi yang disampaikan oleh media massa bukan sekadar memberikan maklumat kepada orang ramai malah dapat mengubah pendapat dan mempengaruhi mereka. Walter Lippmann dalam buku

Public Opinion (1922) telah memberikan perhatian kepada peranan penting komunikasi massa dalam membentuk tanggapan atau pendapat masyarakat. Bagaimanapun, ada sarjana yang menolak akhbar sebagai agen komunikasi kerana di samping mempengaruhi dan membantu perubahan kepada khalayak akhbar, akhbar berupaya juga memperkuuh pengaruh golongan yang berkuasa. Misalnya, Joseph Klapper (1960:8), selepas kajian dua dekad tentang kesan media, menyatakan bahawa komunikasi massa bukan hanya bertindak sebagai sebab yang mempengaruhi khalayak bahkan berfungsi menghubungkan faktor-faktor dan pengaruh antaranya.

Dalam kaitannya dengan retorik, wacana media (termasuk akhbar) dikatakan oleh Allan Bell dan Garrett (2000:64-65) penting dalam dua hal, iaitu apa-apa yang dipaparkannya tentang masyarakat dan juga peranannya terhadap pembentukan watak atau bentuk masyarakat. Kajian linguistik yang dijalankan di Barat, terutamanya, memperlihatkan hubungan struktur wacana media yang dipaparkan dengan persoalan ideologi dan kuasa. Penulisan kewartawanan yang berkaitan dengan realisasi ideologi dan kuasa dalam kehidupan masyarakat atau negara terecermin melalui teks yang dibina sama ada untuk tujuan memperkuuh mahupun untuk mempersoalkan ideologi dan kuasa.

Menurut de Fleur dan Ball-Rokeach (1992:311), asas pengaruh media terletak pada sifat saling bergantungan antara media dengan sistem-sistem sosial lain dan bagaimana sifat saling bergantungan itu mencorakkan hubungan khalayak dengan media. Dengan perkataan lain, media massa yang merupakan satu bentuk sistem sosial saling berinteraksi dengan sistem-sistem sosial yang lain dan dalam interaksi itulah media massa mengenakan pengaruhnya terhadap sistem-sistem sosial yang lain atau masyarakat yang mendukung sistem-sistem sosial itu dan sebaliknya media massa pun

mungkin sahaja terpengaruh oleh sistem-sistem sosial yang lain itu. Hubungan timbal balik antara media dengan masyarakat dapat digambarkan seperti pada Rajah 3.1.



Rajah 3.1 : Masyarakat, Media dan Khalayak:Hubungan Resiprokal Timbal Balik (de Fleur dan Ball-Rokeach, (1992:311)

Darjah kebergantungan anggota khalayak kepada maklumat media merupakan angkubah atau variabel penting tentang bila dan mengapa mesej media mampu mengubah kepercayaan, sikap dan tingkah laku mereka. Pembentukan pendapat umum mudah dilakukan oleh mereka apabila khalayak mempunyai darjah kebergantungan yang tinggi kepada maklumat yang disajikan.

Dalam hubungan inilah strategi komunikasi yang digunakan oleh pengendali media berperanan penting, termasuk dalam hal penggunaan bahasa sebagai wahana komunikasi melalui retorik kewartawanan. Kandungan mesej dan retorik yang digunakan untuk menyampaikan mesej sama-sama berperanan dalam mempengaruhi, menentukan atau mengubah kepercayaan, sikap, tanggapan dan pendapat khalayak. Kandungan mesej dalam media dapat meningkatkan kesan apabila mesej itu menawarkan maklumat yang unik, penting dan memenuhi kepentingan khalayak, baik dalam soal ekonomi, politik mahupun yang lain. Retorik pula menampilkan mesej itu dengan memanfaatkan alat-alat yang terdiri daripada unsur-unsur bahasa dan ciri-ciri khusus laras bahasa yang sesuai dengan bidang kewartawanan.

Kesan media, termasuk kewartawanan kepada khalayak atau masyarakat dapat dilihat pada tiga aspek besar, iaitu aspek kognitif, perasaan dan tingkah laku (de Fleur dan Ball-Rokeach, 1992:313). Kesan kognitif merujuk kepada kesamaran sikap, kepercayaan dan nilai khalayak. Kesamaran sikap berlaku kerana khalayak kekurangan maklumat untuk memahami makna sesuatu peristiwa atau untuk menentukan tafsiran yang tepat tentang sesuatu peristiwa.

Maklumat yang tidak lengkap yang disampaikan oleh media mungkin sahaja menimbulkan kesamaran, apatah lagi jika maklumat yang disampaikan bercanggah. Dalam hal ini kesamaran itu pada dasarnya bersebab daripada fakta atau maklumat, tetapi berkemungkinan juga disebabkan oleh cara penyampaian yang berkaitan dengan prinsip dalam retorik kewartawanan. Media dapat membantu mengatasi kesamaran tersebut khususnya dalam membataskan pelbagai tafsiran yang dibuat oleh khalayak dengan memastikan apakah maklumat yang perlu disampaikan dan yang tidak perlu disampaikan serta bagaimana maklumat itu dipersembahkan.

Satu lagi kesan kognitif media kepada khalayak ialah pembentukan sikap. Dari masa ke masa masyarakat senantiasa melakukan proses pembentukan sikap tentang perkara-perkara yang berlaku di persekitaran hidup mereka baik berkaitan dengan politik, agama, ekonomi, keamanan, maupun tentang peristiwa-peristiwa semasa. Dalam proses itulah media mampu, malah ada waktunya mempengaruhi khalayak dalam pembentukan sikap. Sehubungan dengan itu, dasar media yang dibentuk oleh pemanfaatan prinsip retorik kewartawanan memberikan kesan dan pengaruh kepada pembentukan sikap khalayak.

Selanjutnya, kesan kognitif berpusat pada peranan media dalam pembentukan agenda. Agenda dalam konteks ini merujuk kepada kepentingan individu dan golongan tertentu dalam masyarakat. Sebagai contoh, perkara seperti kenaikan harga, cukai, pengangguran dan hal ehwal ekonomi yang merupakan agenda yang dapat dijangka diberi keutamaan oleh individu dan masyarakat. Dalam hubungan inilah media menyusun dan menyebarkan maklumat secara terpilih untuk mengatur senarai agenda bagi khalayak media. Dalam proses ini media dapat melakukan pembentukan agenda khalayak, menurut dasar dan motif pengendali media tersebut sehingga perkara yang berkemungkinan menjadi agenda utama khalayak dapat dialihkan pada agenda yang lain. Sekali lagi kejayaan membentuk agenda khalayak ini memerlukan strategi komunikasi yang banyak dibantu oleh pemanfaatan retorik kewartawanan.

Satu lagi kesan kognitif yang berlaku dalam masyarakat yang bergantung pada media ialah peluasan sistem kepercayaan. Charles H. Cooley (1909) merujuk kepada istilah peluasan sebagai idea bahawa pengetahuan dan sistem kepercayaan manusia berkembang kerana mereka belajar tentang manusia, tempat dan perkara lain daripada media massa. Altman dan Taylor (1973) membincangkan dimensi peluasan dalam

struktur kepercayaan dengan menyusun kepercayaan kepada kategori agama, keluarga, politik dan lain-lain. Dimensi luas yang diketengahkan oleh mereka merujuk kepada bilangan kategori dalam sesuatu sistem kepercayaan dan beberapa banyak kepercayaan yang terdapat dalam setiap kategori. Dalam hubungan ini, jumlah maklumat baru yang disebarluaskan oleh media mungkin sahaja memperluas bilangan kategori dan kepercayaan dalam sesuatu kategori. Sebagai contoh, penekanan media terhadap dasar penswastaan yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia dalam era pemerintahan Mahathir Mohamad telah memberikan kesan peluasan kepercayaan kepada sejumlah kalangan khalayak tentang konsep khidmat sosial yang berbayar.

Yang akhir ialah kesan kognitif media terhadap nilai. Nilai, menurut Milton Rokeach (1973), ialah kepercayaan paling asas yang dipegang manusia tentang *keadaan-keadaan kewujudan akhir yang diingini* (seperti pertolongan, keadilan, kebebasan) atau *cara-cara kelakuan yang diutamakan* (seperti jujur, pengampun, berkebolehan). Salah satu cara media mempengaruhi nilai khalayak ialah mengemukakan maklumat yang mempercepat konflik nilai di kalangan mereka (de Fleur dan Ball-Rokeach, 1992:320). Contohnya ialah pertembungan antara nilai ekonomi dan pembangunan dengan nilai estetik dan ekologi. Media dapat mengetengahkan konflik nilai seperti itu sama ada untuk akhirnya mempengaruhi khalayak mempercayai salah satu nilai itu atau membiarkan khalayak memutuskan nilai yang sewajarnya dipegang. Dalam apa-apa jua maksud, sama ada berusaha mendakyahkan nilai yang sepatutnya atau meminta khalayak menentukan pendirian tentang pemilihan nilai, retorik kewartawanan yang digunakan mempunyai peranannya yang penting.

Aspek kedua kesan media kepada masyarakat ialah perasaan atau afektif. Media memberikan kesan kepada perasaan dan tindak balas emosi khalayak apabila menerima maklumat atau mesej yang disampaikan oleh media. Kesan tersebut dibahagikan oleh de Fleur dan Ball-Rokeach (1992) kepada tiga, iaitu pelalian, ketakutan dan kebimbangan serta semangat dan keterasingan. Tentang pelalian diandaikan bahawa pendedahan yang berpanjangan tentang sesuatu maklumat, peristiwa atau pendapat meninggalkan kesan melalikan (*desensitization*). Pelalian dapat menyebabkan ketidakpekaan sebilangan khalayak untuk bertindak positif, seperti pendedahan keganasan yang berulang-ulang dan berterusan dalam media tidak menggerakkan khalayak memberikan pertolongan kepada mangsa dan peristiwa yang berlaku di hadapan matanya. Ini adalah contoh kesan langsung daripada pelalian.

Berkaitan dengan kesan ketakutan dan kebimbangan, penyampaian maklumat keganasan di media meninggalkan kesan psikologi yang menyebabkan sejumlah khalayak tidak dapat hidup dalam ketenangan, keamanan dan kedamaian jiwa. Kebimbangan dan ketakutan dari sudut yang lain pula dapat mendorong khalayak tertentu bertindak mengikut emosinya untuk mengatasi rasa bimbang dan takut itu. Mereka akan bertindak di luar undang-undang kepada pihak yang diberitakan melakukan keganasan sebagai tindak balas kepada kesan emosi bimbang dan takut. Bahkan, pihak berkuasa seperti polis mungkin juga memutuskan jenis tindakan dan cara mereka menangani krasis atau masalah dengan berdasarkan pola penyampaian maklumat. Sebagai contoh, apabila perhimpunan atau tunjuk perasaan berlaku dan media menggambarkannya sebagai rusuhan, maka pihak berkuasa mungkin mengatur strategi bertindak yang agresif, berbanding dengan jika laporan peristiwa itu digambarkan sebagai semata-mata tunjuk perasaan.

Tentang semangat dan ketersingan, Klapp (1972) menegaskan bahawa dalam masyarakat yang media massa memainkan peranan komunikasi utama, sifat maklumat media meninggalkan kesan yang besar kepada semangat dan tahap ketersingan penduduknya. Semangat kekitaan dan keberkesanan dapat dipupuk apabila media menampilkan maklumat yang positif seperti perpaduan, kerjasama dan asas-asas jati diri yang mengikat semangat kekitaan itu. Sebaliknya, tahap ketersingan menjadi tinggi apabila media gagal mengeluarkan maklumat sedemikian.

Aspek ketiga kesan media terhadap sosial ialah tingkah laku. Dua sudut yang tercakup di dalamnya ialah pengaktifan (*activation*) dan ketidakaktifan (*deactivation*). Dapat ditegaskan bahawa kesan terhadap tingkah laku ini lebih penting daripada kesan kepada kognitif dan afektif (perasaan) kerana kedua-dua yang terdahulu itu baru tampak apabila ada kesan kepada tingkah laku. Fenomena pengaktifan dan ketidakaktifan sebagai kesan media kepada sosial mula-mula dibincangkan oleh Otto N. Larsen dalam tulisannya *Social Effects of Mass Communication* (dalam Robert E.L, Faris, 1964).

Pengaktifan merujuk kepada masa khalayak melakukan sesuatu yang tidak mungkin dilakukan, disebabkan penerimaan mesej dalam media. Hal ini mungkin berlaku sesudah wujud kesan kognitif dan perasaan yang mendalam. Sebagai contoh, isu feminism atau liberalisasi wanita yang ditimbulkan oleh media mungkin meninggalkan kesan kognitif dan afektif dan kemuncaknya menimbulkan pengaktifan pada tingkah laku seperti mengambil tindakan bantahan, tuntutan dan sebagainya. Dalam kajian yang dijalankan dalam tahun 1990-an, dibuktikan bahawa mesej media telah menggerakkan tingkah laku ekonomi yang positif. Merton (1946) mengkaji bagaimana penampilan penyanyi terkenal era tersebut, iaitu Kate Smith melalui media

... kajian menggerakkan tingkah laku sebilangan besar penduduk membeli bon semasa perang.

Sementara itu, ketidakaktifan pula merujuk kepada tidak berlakunya tingkah laku manusia yang sepatutnya berlaku akibat mesej media. Contoh yang jelas ialah apabila anggota masyarakat tidak mengundi dalam pilihan raya walaupun mesej yang jelas disampaikan melalui media. Ketidakaktifan dalam hal ini berlaku didahului oleh tindak balas afektif seperti perasaan jemu, meluat atau kesan kognitif yang meyakinkan bahawa tiada bezanya biar pihak manapun yang memenangi pilihan raya (de Fleur dan Ball Rokeach, 1992:326). Demikian juga, apabila mesej media membentuk perasaan takut tentang kestabilan ekonomi, ketidakaktifan mungkin berlaku dalam bentuk orang tidak membeli saham, kereta baru dan barang tertentu. Ketidakaktifan tingkah laku ini memburukkan situasi yang ada. Dalam konteks kajian ini, amat menarik diteliti bagaimana fenomena pengaktifan dan ketidakaktifan berkorelasi dengan retorik kewartawanan yang digunakan.

Bentuk, sikap dan struktur sosial serta politik sesebuah masyarakat cukup mempengaruhi bentuk kewartawanan yang diamalkannya. Van Dijk (1988) dalam kajiannya tentang wacana media malah meletakkan isu kaitan antara struktur wacana media dengan struktur sosial sebagai isu yang pokok. Untuk mengetahui sistem sosial dan hubungannya dengan kewartawanan, perlu dilihat kepercayaan asas dan andaian yang menjadi pegangan masyarakat itu. Hal ini hakikatnya adalah falsafah masyarakat tersebut dan perbezaan yang wujud antara kewartawanan dalam masyarakat yang berlainan sebenarnya mencerminkan perbezaan falsafah pegangan masyarakat yang berlainan tersebut. Siebert, Peterson dan Schramm (1987) merumuskan perbezaan bentuk dan corak kewartawanan sedunia dengan mengetengahkan empat teori akhbar,

iaitu Teori Autoriter, Teori Libertarian, Teori Tanggungjawab Sosial dan Teori Komunis Soviet. Pembahagian teori akhbar kepada empat jenis itu dengan nyata didasarkan pada sistem sosial dan falsafah yang melatari masyarakat tertentu. Keempat-empat teori akhbar yang meneorakkan penulisan kewartawanan sedunia tergambar pada Rajah 3.2.

	AUTORITER	LIBERTARIAN	TANGGUNGJAWAB SOSIAL	KOMUNIS-SOVIET
Dikembangkan	di England pada abad 16 dan 17, diterima dan diamalkan secara meluas	diterima oleh England selepas 1688 dan di Amerika Syarikat, berpengaruh di mana-mana	di Amerika Syarikat pada abad 20	di Soviet Union walaupun sebahagiannya dilakukan oleh pihak Nazi
Daripada	falsafah kuasa mutlak, kerajaan ahli atau kedua-duanya sekali	tulisan Milton, Locke, Mill dan ahli-ahli falsafah rasional dan hak asasi manusia	tulisan W.E. Hocking, Suruhanjaya Kebebasan Akhbar dan pengamal, kod media	pemikiran Marxis-Leninis-Stalinis dengan campuran Hegel dan pemikiran Rusia
Motivasi utama	untuk membantu pelaksanaan polisi kerajaan dan memberikan perkhidmatan kepada negara	untuk memberitahu, menghibur, menjual, tetapi tujuan asasnya adalah untuk membantu pencarian kebenaran, memeriksa kerajaan	untuk memberitahu, menghibur, menjual tetapi tujuan osasnya adalah untuk mengemukakan konflik ke meja perundingan	untuk menyumbangkan ke arah kejayaan dan menyambung sistem sosialis Soviet terutama diktator parti
Siapa yang berhak menggunakan media?	sesiapa sahaja yang mendapat kebenaran diraja atau kelulusan seumpama itu	sesiapa yang berkemampuan dari segi ekonomi	setiap orang mempunyai sesuatu untuk diperkatakan	ahli parti yang setia dan ortodoks
Bagaimanakah media dikawal?	kelulusan kerajaan, syarikat sekerja, pelesenan, kadangkala penapisan	melalui proses membetul diri sendiri di tempat penyebaran idea yang bebas dan melalui mabkamah	pendapat masyarakat, tindakan pengguna dan etika profesional	tindakan kawalan ekonomi dan politik kerajaan
Apakah halangannya	jentera kritikan politik dan pihak berkuasa	sifatnya lucuah, tidak senonoh, hasutan sewaktu perang	pencabulan hak persendirian dan minat sosial	kritikan terhadap objektif parti yang dikenal pasti daripada taktik-taktik
Hak milik	persendirian atau awam	keseluruhannya persendirian	persendirian kecuali kerajaan terpaksa mengambil alih untuk melindungi perkhidmatan awam	Awam
Perbezaan	alat yang memberi kesan pada polisi kerajaan walaupun tidak dipunyal oleh kerajaan	alat untuk memeriksa kerajaan dan keperluan masyarakat	media harus mengandaikan kewajipan dan tanggungjawab sosial dan jika mereka tidak melakukannya, seseorang harus menentukan supaya ia dilaksanakan	kepunyaan negara dan media dikawal sebagai jentera kerajaan

Rajah 3.2 : Empat Teori Akhbar (Siebert et al., 1987)

Teori yang tertua ialah Teori Autoriter, iaitu berdasarkan falsafah Socrates dan Plato. Teori ini wujud pada abad ke-16 dan ke-17 dalam suasana pemerintahan autoriter pada peringkat akhir zaman pembaharuan selepas terciptanya mesin cetak. Teori ini berlandaskan kepercayaan bahawa kebenaran hanya dihasilkan oleh segelintir orang yang bijaksana dan yang mempunyai kedudukan untuk memimpin dan mengarahkan pengikutnya. Dengan perkataan lain, kebenaran dianggap berpusat di kalangan pemerintah, bukan di kalangan orang ramai. Dengan demikian, fungsi akhbar atau kewartawanan berpola dari atas ke bawah. Akhbar digunakan oleh pemerintah untuk memberitahu masyarakat hanya tentang berita yang dirasakan perlu diketahui oleh rakyat dan dasar pemerintah yang perlu disokong oleh rakyat.

Implikasi pegangan itu dari sudut bahasa dan persembahannya, tergambar pada penggunaan unsur-unsur bahasa yang bersifat didaktik dan persuasif. Penggunaan bahasa yang bernada ekspositori atau pendedahan maklumat secara bersahaja dan yang mewakili realiti sosial tidak atau kurang mendapat tempat. Akhbar tidak mewakili penggunaan bahasa yang mengambarkan kebebasan yang menyatakan kebenaran berdasarkan realiti sosial tetapi sebaliknya ditandai oleh gaya bahasa yang bernada indoktrinasi. Hal ini merupakan satu aspek kajian yang menarik dan penting dalam konteks kajian ini, sesuai dengan pandangan Siebert dan rakan-rakannya bahawa walaupun telah muncul amalan akhbar yang berdasarkan teori lain, ciri akhbar yang dipengaruhi oleh Teori Autoriter masih berlaku sehingga kini (Siebert, Peterson dan Schramm, 1987:ix).

Teori yang kedua ialah Teori Libertarian yang diilhamkan oleh ahli falsafah Britain, John Locke pada akhir abad ke-17 dan berkembang hingga abad ke-19. Doktrin asas teori ini ialah bahawa pusat kuasa berada di tangan rakyat sedang pemerintah

hanyalah pemegang amanah kuasa yang diberikan oleh rakyat. Bertentangan dengan Teori Autoriter, Teori Libertarian tidak melihat akhbar sebagai alat pemerintah tetapi sebagai alat untuk menyebarkan maklumat dan perbincangan yang membolehkan masyarakat membentuk fikiran dan juga mengawasi perjalanan pentadbiran pemerintah. Oleh itu, akhbar perlu bebas daripada penguasaan dan pengaruh pemerintah. Akhbar dianggap sebagai tempat penyebaran idea yang bebas (*the open market place of ideas*) dan sebagai proses pembuat membetulkan kendiri (*the self righting process*). Sudut pandangan sedemikian mempengaruhi gaya penulisan kewartawanan yang ditandai oleh penggunaan bahasa yang memaparkan realiti sosial, iaitu laporan dan penyampaian maklumat.

Teori yang ketiga, iaitu Teori Tanggungjawab Sosial merupakan Teori Libertarian bentuk baharu yang muncul pada abad ke-20. Suasana yang menimbulkannya berakar pada corak pemilikan media yang dikuasai segelintir pihak. Teori ini menekankan agar masyarakat umum diwakili secara adil dan mempunyai maklumat yang cukup untuk membuat keputusan.

Empat perkara yang ditekankan oleh pendukung teori ini termaktub dalam *Canons of Journalism* (1923) dan perkara-perkara itu dapat memberikan gambaran corak bahasa yang digunakan dalam akhbar yang berlandaskan teori tersebut. Perkara-perkara itu ialah :

- (i) menyediakan laporan tentang kejadian sehari-hari secara benar, menyeluruh, dan dapat diterima;
- (ii) media harus dapat memisahkan berita daripada pendapat;
- (iii) laporan perlu menyampaikan kebenaran fakta;

- (iv) akhbar, sebelum membuat laporan patut mencari kebenaran terlebih dahulu dengan mengandaikan bahawa dua keadaan yang separuh benar akan menjadi satu kebenaran.

(H.M. Tuah Iskandar, 1997:142)

Keempat-empat perkara atau prinsip itu berkaitan dengan prinsip-prinsip penulisan kewartawanan moden seperti yang dibincangkan dalam 3.4 berikutnya.


Dalam proses Teori Libertarian dan Teori Tanggungjawab Sosial menghadapi masalah untuk sampai ke destinasinya, telah muncul Teori Akhbar Komunis Soviet yang berasaskan ajaran Marx dan keperluan politik untuk memelihara kekuasaan pasti yang mewakili kurang daripada 10 peratus rakyat negara itu. Dengan berasaskan teori ini akhbar beroperasi sebagai alat pemerintah seperti yang berlaku dalam zaman autoriter dahulu.

Sebagaimana halnya dengan Teori Autoriter, Teori Komunis Soviet yang dikenal juga sebagai Teori Totalitarian ini pasti membentuk akhbar yang bahasanya bersifat propaganda, bernada indoktrinasi dan kurang bernada ekspositori.

3.3 Penulisan Kewartawanan sebagai Satu Bentuk Wacana

Kajian tentang penulisan kewartawanan sebagaimana halnya dengan kajian tentang bentuk-bentuk penulisan yang lain seperti rencana, laporan, iklan, minit mesyuarat, laporan ilmiah dan cereka tidak terlepas daripada kerangka satu wacana. Hal ini demikian kerana penulisan kewartawanan dengan bentuk-bentuk penulisan yang lain itu merupakan hasil penjalinan pelbagai unsur bahasa pada tingkat-tingkat yang berlainan dalam skala atau hierarki sistem bahasa.

Unsur-unsur atau unit-unit dalam skala sistem bahasa dapat dilihat sebagai bermula dengan unsur yang terkecil, iaitu fonem atau bunyi bahasa; diikuti oleh unsur pada aras yang kedua, iaitu morfem; aras ketiga, iaitu kata; aras keempat, iaitu frasa; dan aras kelima, iaitu klausa; dan keenam, iaitu ayat; dan akhirnya aras yang tertinggi, iaitu wacana. Skala unsur-unsur sistem bahasa itu dapat digambarkan seperti Rajah 3.3.



Rajah 3.3: Skala Unsur-unsur dalam Sistem Bahasa
(Asmah Haji Omar, 1980)

Dalam konteks ini, wacana merupakan realisasi atau penzahiran bahasa dalam bentuk yang lengkap dan sempurna sebagai wahana komunikasi manusia. Pada hakikatnya komunikasi baik secara lisan maupun tulisan berlangsung dalam bentuk wacana dan amat jarang atau rendah kekerapannya dalam unsur-unsur bahasa yang kecil, iaitu ayat, klausa, frasa, kata, morfem dan apatah lagi bunyi. Bahasa dalam realiti komunikasi merupakan paduan segala unsur itu yang pada peringkat tertinggi wujud dalam bentuk wacana. Hakikat wacana sebagai bentuk penggunaan bahasa yang sebenarnya sering ditekankan oleh pendukung teori wacana (lihat, misalnya Beaugrande, 1980).

Penulisan kewartawanan sebagaimana bentuk-bentuk penulisan lain tidak dilihat sebagaimana kesatuan ayat yang terpisah-pisah dan terasing antara satu dengan yang lain, melainkan dilihat sebagaimana suatu bentuk yang utuh yang mempunyai binaan atau strukturnya sendiri. Hal ini sesuai dengan takrif Halliday dan Hassan (1980:1) yang mengaitkan wacana dengan petikan, baik yang lisan maupun yang bertulis, tidak kira berapa panjangnya dan terbentuk daripada satu keseluruhan yang berkesan.

Dengan perkataan lain, wacana merupakan bentuk bahasa yang ditandai oleh keteraturan fikiran (*coherence*) dan tetenunan (*cohesion*) yang berkesinambungan dari awal hingga akhir. Ciri-ciri wacana yang sedemikian itu ternyata memang terlihat pada semua bentuk penulisan, termasuk penulisan kewartawanan. Dalam konteks yang lebih luas, ciri itu terdapat juga dalam wacana yang berbentuk lisan seperti perbincangan, dialog, forum, kuliah, taklimat dan sebagainya. Ciri keteraturan fikiran, tetenunan dan kesinambungan itu penting dalam kewujudan mesej yang hendak disampaikan melalui mana-mana bentuk wacana baik lisan maupun tulisan. Hal ini berkaitan secara langsung dengan fungsi bahasa sebagai satu sistem aqliah yang matlamat akhirnya adalah untuk menyampaikan makna.

Dalam pemaparan hakikat ini banyak ahli bahasa yang telah mengaitkan bahasa dengan akal ataupun minda sehingga bahasa dipercayai merupakan produk daripada proses mental. Pegangan ini menjadi landasan teori mentalisme atau rasionalisme yang diwakili oleh tokoh seperti Descartes, Humboldt dan Chomsky (lihat Awang Sariyan, 1997, Bab 3). Demikian pula Bapa Linguistik Moden, iaitu Ferdinand de Saussure (1857–1913) telah mengemukakan konsep bahasa sebagai paduan antara konsep mental (*the signified*) dengan lambang bunyi (*the signifier*) yang jelas menunjukkan hubungan

antara unsur-unsur bahasa (dari fonem hingga ke ayat) dengan makna yang didukungnya. Sehubungan dengan itu, wacana dapat dikatakan sebagai kesatuan semantik lebih daripada semata-mata kesatuan ketatabahasaan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini perhatian yang sama beratnya akan diberikan kepada kedua-dua aspek, iaitu makna dan bentuk bahasa. Hal ini penting untuk memenuhi tujuan kajian yang meneliti bagaimana bentuk bahasa yang ditampilkan melalui retorik kewartawanan dapat menyampaikan makna atau mesej tentang peristiwa dan pentingnya peristiwa itu dalam kehidupan sosial masyarakat.

Dari segi kaedah kajian, teori wacana mempunyai beberapa kaedah analisis berasaskan pemerian tokoh-tokoh struktural seperti Z.A. Harris (1952), Dell Hymes (1972), Grice (1975), Sinclair (1975), Becker (1976), Azhar Simin (1983) dan beberapa yang lain (Ahmad Mahmood Musanif, 1998). Sebagai landasan kajian ini, kaedah analisis yang tersebut itu diuraikan secara ringkas dan akan diterapkan mana-mana yang sesuai dalam analisis data. Pendekatan Z.A. Harris menumpukan perhatian pada unsur sistem bahasa seperti morfem, kata, frasa dan ayat berdasarkan penyebarannya sama ada dalam lingkungan yang sama (*identical*), sepadan (*equivalent*) atau pengulangan. Tujuannya adalah untuk menganalisis cara sesuatu wacana disusun. Cara penyusunan yang berasaskan penyebaran unsur-unsur bahasa dalam wacana berkaitan dengan keperluan akan ciri keutuhan wacana (Harimurti Kridalaksana, 1978). Di samping itu ditekankan juga oleh Harris kaitan antara bahasa atau secara khusus binaan wacana dengan situasi sosial (Harris, 1952:359). Dalam konteks kajian ini, pendekatan analisis Harris dapat dimanfaatkan untuk meneliti keutuhan wacana berita sebagai satu bentuk penulisan kewartawanan. Keutuhan wacana berita itu pula secara langsung berkaitan dengan retorik bagi bidang tersebut.

Pendekatan Hymes pula menekankan etnografi komunikasi yang berdasarkan paduan antara antropologi dengan linguistik. Hymes berusaha menunjukkan pola-pola komunikasi melalui bahasa sebagai bahagian maklumat budaya dan tingkah laku masyarakat. Sehubungan dengan itu yang ditekankan adalah keupayaan komunikasi (*communicative competence*) yang berkaitan dengan penghasilan bahasa yang tepat dalam komunikasi. Bagaimanapun, Hymes lebih menumpukan perhatian kepada korpus bahasa lisan yang dianggap memberikan gambaran realistik tentang penggunaan bahasa. Prinsip pendekatan ini yang berkemungkinan dapat diterapkan dalam analisis data kajian ini ialah penekanan pada ciri-ciri etnografi sebagai asas keberkesanan penulisan kewartawanan sekalipun data-datanya merupakan bahan tertulis.

Seterusnya, pendekatan analisis wacana oleh Grice menekankan prinsip umum perbualan yang dapat menjadi panduan penutur menyatakan sesuatu untuk dapat difahami oleh pendengarnya. Prinsip ini disebut prinsip kerjasama (Grice, 1975:45). Empat petunjuk yang dikemukakan oleh Grice ialah kualiti, kuantiti, perhubungan dan cara. Petunjuk kualiti merujuk kepada maklumat yang benar. Petunjuk kuantiti pula menekankan maklumat yang berpada informatifnya, iaitu lengkap tetapi tidak melebihi keperluan. Selanjutnya, petunjuk perhubungan menekankan pentingnya perbualan senantiasa relevan di setiap peringkat. Akhirnya petunjuk cara menekankan pentingnya kejelasan penutur agar pendengar memahaminya. Untuk kajian ini, keempat-empat petunjuk yang dikemukakan oleh Grice itu dapat dijadikan landasan untuk menilai keutuhan dan keberkesanan wacana berita.

Selanjutnya, pendekatan analisis wacana yang relevan ditinjau adalah yang dikemukakan oleh A.L. Becker yang berlandaskan Teori Linguistik Tagmemik yang dipelopori oleh K.L. Pike. Teori tersebut meletakkan tagmem sebagai bentuk

gramatis yang tidak terbatas pada ayat bahkan binaan bahasa yang lebih besar seperti perenggan, teks dan seterusnya. Pendekatan Becker bersifat pada wacana eksposisi atau pendedahan. Menurutnya pola-pola tertentu dalam wacana tersebut terhasil sebagai akibat keperluan menggunakan bahasa untuk mengendalikan pengalaman baru atau untuk menyatakan pengalaman lama dengan cara yang baru.

Fairclough (1992) pula, dalam usahanya menekankan kegunaan analisis wacana dalam memaparkan fenomena sosial yang lebih mendalam, mengkritik analisis wacana yang bukan kritis. Maksudnya, analisis wacana sedemikian lebih merupakan kaedah atau alat untuk menaikkan tatabahasa wacana, prosodi wacana, struktur wacana, tekstur wacana dan strategi wacana (Idris Aman, 2001). Analisis wacana kritis pula ialah analisis yang dapat memperlihatkan proses atau fenomena sosial melalui penggunaan bahasa. Idris Aman (2001), misalnya mencuba menganalisis aspek kepemimpinan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui analisis wacana ucapan beliau. Dalam konteks kajian ini, berita akhbar *Berita Harian* sebagai wacana yang dianalisis dari sudut retoriknya, berusaha untuk memperlihatkan bagaimana sesuatu isu atau idea disampaikan kepada khalayak dengan menggunakan strategi kebahasaan.

3.4 Retorik sebagai Asas Penggunaan Bahasa yang Berkesan

Oleh sebab kajian ini bersifat pada retorik penulisan kewartawanan, iaitu menganalisis kekuatan dan keberkesaan penulisan kewartawanan berasaskan prinsip-prinsip retorik, maka perlu dibincangkan secara ringkas disiplin retorik. Retorik menurut catatan dalam historiografi atau pensejarahan linguistik telah bermula sejak abad ke-5 sebelum Masihi dengan orang Syracuse di Pulau Sicily, iaitu Wilayah Yunani atau Greek sebagai pemukanya (Jalaluddin Rakhmat, 1996:3). Walaupun takrif retorik

beragam-ragam menurut tokoh yang menghuraikannya sebagaimana kata Louis Glorfeld et al. (1965:174 dalam Gusti Ngurah Oka, 1990:23), retorik sukar ditakrifkan disebabkan maknanya yang tidak jelas dan sering berubah-ubah menurut individu-individu yang menggunakanya sama ada secara khusus maupun secara umum. Bahkan ada ahli retorik seperti Hoyt H. Hudson yang menyatakan bahawa istilah tersebut telah banyak kehilangan konotasi baiknya apabila retorik dikaitkan oleh sesetengah orang dengan bahasa yang berbunga-bunga dan kepandaian untuk berdebat (Natanson et al., 1965:21).

Bagi memahami pelbagai takrif retorik perlu digariskan secara ringkas permulaan berkembangnya disiplin tersebut di Pulau Sicily tempat tumbuhnya retorik. Pada abad ke-5 sebelum Masihi, retorik difahami sebagai kecekapan berpidato, iaitu kecekapan yang perlu dimiliki oleh wakil rakyat. Keperluan terhadap kecekapan itu timbul sebagai cara bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat peri pentingnya demokrasi sebagai pilihan sistem pemerintahan kejam yang diamalkan oleh pemerintahan pada masa itu. Corax sebagai pemuka gagasan itu menulis buku *Techne Logon* yang bererti *seni kata-kata* sebagai buku retorik pertama. Corax bersama-sama dengan muridnya Tissias mendirikan sekolah retorik sehingga retorik menjadi popular di kota Athens dan di Semenanjung Attic. Dengan berdasarkan perkembangan awal itu retorik dapat ditakrifkan sebagai kecekapan berpidato di hadapan umum (Gusti Ngurah Oka, 1990:25).

Menjelang akhir abad ke-5 sebelum Masihi, sekumpulan ahli falsafah yang dikenal sebagai golongan Sofis mengembangkan pengertian retorik atas dasar memenangi sesuatu kes. Untuk memenuhi fungsi retorik sebagai alat kemenangan melalui hujah, golongan Sofis membina retorik berdasarkan hujah dengan contoh dan

bukti yang menyokong sesuatu gagasan. Dari segi bahasa, kata, istilah, ungkapan dan ayat yang digunakan ialah yang dapat menarik perhatian khalayak. Retorik golongan Sofis ternyata lebih menampilkan teknik menguasai isi pidato. Golongan yang sering memanfaatkan retorik Sofis ialah propagandis politik. Daripada perkembangan ini, takrif retorik dikaitkan dengan teknik penyampaian gagasan yang berkesan.

Corak retorik Sofis ditentang oleh Plato yang terkenal sebagai Bapa Falsafah Idealisme. Menurut Plato, retorik Sofis dapat menyebabkan orang mengabaikan kebenaran demi mencapai kemenangan. Dengan demikian, takrif retorik beralih ke paksi aksiologi atau sistem nilai, iaitu penampilan kebenaran dengan teknik yang sederhana mungkin. Retorik berkembang secara revolusioner di tangan murid Plato, iaitu Aristotle. Bermula dengan beliaulah retorik diuraikan secara sistematik melalui tiga jilid buku tulisannya yang berjudul *Retorik*. Takrif retorik yang dapat dirumuskan daripada huraian Aristotle ialah ilmu dan seni yang mengajar orang untuk trampil menyusun pertuturan yang berkesan.

Bagaimanapun, pertuturan yang berkesan yang dikemukakan oleh Aristotle tidak terbatas pada aspek teknik seperti yang dikemukakan oleh golongan Sofis, bahkan mestilah menampilkan kebenaran seperti yang ditegaskan oleh Plato. Selain kebenaran, ciri keberkesanan bahasa menurut Aristotle berkaitan dengan pengolahan secara ilmiah yang melibatkan pengetahuan perhubungan dengan topik, kaitan antara satu bahagian pertuturan dengan bahagian yang lain serta nilai dan fungsi budaya yang menyertainya. Di samping itu, bahagian-bahagian pertuturan perlu ditata atau disusun secara sistematis, disokong dengan ulasan yang meyakinkan dan kemudian dipersembahkan dengan bahasa yang sesuai dengan khalayak.

Konsep retorik yang dikemukakan oleh Aristotle ternyata telah mempengaruhi penakrifan ahli-ahli retorik hingga ke zaman ini, sesudah dikembangkan oleh dua orang ahli falsafah Rumawi yang terkenal, iaitu Cicero dan Quintilianus yang mengembangkan retorik Aristotle itu. Sebagai contoh, dipetik beberapa takrif yang berdasarkan konsep retorik Aristotle seperti yang berikut :

- (a) Beckett D. (1966:58) menakrifkan retorik sebagai seni yang mengesankan pihak lain dengan cara memanipulasikan unsur-unsur pertuturan dan manipulasi ini dilakukan dengan pertimbangan yang matang;
- (b) Donald C. Bryant (dalam Glorfelf et al., 1967:181) menyebut retorik sebagai wacana yang mempengaruhi dan memberikan maklumat rasional kepada pihak lain;
- (c) Whatley Bishop (dalam Fogarty Daniel, 1969) menekankan retorik sebagai seni yang mengajarkan kaedah penggunaan bahasa yang berkesan;
- (d) Albert P. Duhamel (dalam Natanson dan Johnstone, J.R., 1965:80) mengaitkan retorik dengan gagasan pengungkapan yang berkesan.

(Gusti Ngurah Oka, 1990 : 28-29)

Anjakan paradigma dalam penakrifan retorik berlaku pada awal abad ke-20 dengan munculnya aliran Retorik Baru yang didukung oleh tokoh semantik dan pengikut Teori Tagmemik. Aliran semantik seperti yang dipelopori oleh I.A. Richards secara rasmi menolak keseluruhan konsep retorik Aristotle dan mengemukakan konsep baru yang berlandaskan gagasan Alfred Konzybski dengan nama Non-Aristotelian. Mereka menolak konsep retorik sebagai ketrampilan menyusun dan menampilkan wacana untuk mempengaruhi pihak lain dan sebaliknya menekankan upaya mempengaruhi atau persuasi sebagai akibat logis daripada wacana yang diolah dengan baik. Pada mereka persuasi hanya penting bagi masyarakat yang masih terbelakang

tingkat kecerdasannya dan tidak sesuai dengan masyarakat moden. Yang lebih penting menurut mereka ialah pembinaan kesalingfahaman melalui wacana. Atas dasar itu I.A. Richards (1965:3), misalnya, menegaskan retorik sebagai disiplin yang mengkaji salah faham serta penemuan kaedah mengatasinya. Salah satu cara mengetahui dan mengatasi salah faham dalam perhubungan adalah dengan mempelajari bahasa dengan sebaik-baiknya serta menggunakan dengan tepat.

Tokoh lain, iaitu Kenneth dan Burke melihat retorik sebagai ilmu bagi mengidentifikasi atau bagi mengenal pasti pelbagai aspek dalam penzahiran wacana, antaranya mengenal pasti masalah atau isu yang akan dilahirkan, bahasa yang akan digunakan, khalayak dan hasil yang diharapkan. Berhasil atau tidaknya seseorang dalam proses identifikasi inilah yang menentukan keberhasilan upaya membina kerjasama dan kesalingfahaman dalam perhubungan berbahasa. Burke menekankan perbezaan aliran retorik barunya daripada aliran retorik lama model Aristotle dengan mempertentangkan gagasan-gagasan identifikasi yang turut melibatkan faktor yang tidak disedari berbanding dengan persuasi yang menjadi asas retorik lama (Martin Steinmann, Jr., 1967:63).

Sementara itu, aliran Tagmemik seperti yang dipelopori oleh A.L.Becker dan R.E. Young (1966) menekankan retorik sebagai ilmu yang mengajarkan penggarapan wacana secara heuristik yang ditampilkan secara sistematik untuk tujuan membina saling pengertian dan kerjasama. Prosedur heuristik yang menjadi kunci retorik aliran ini melihat sesuatu persoalan atau topik wacana melalui dua set sudut pandangan. Set pertama melihat sesuatu topik dari sudut perincian seperti ciri-ciri, ciri pembeza yang berlawanan dengan ciri-ciri topik, distribusi atau pewujudan topik dalam variasinya. Sebagai contoh, topik tentang demokrasi dapat dilihat perinciannya berdasarkan ciri-

ciri demokrasi, ciri-ciri lawan demokrasi dan pewujudan demokrasi dalam pelbagai variasi. Set kedua pula melihat topik dalam bentuk satu kesatuan yang utuh yang merupakan hasil pengolahan sistematik.

Dari sudut fungsinya pula, retorik berdasarkan gagasan Aristotle memainkan empat fungsi dasar:

- (a) membimbing penutur dalam membuat keputusan yang benar;
- (b) membimbing penutur secara lebih baik, memahami masalah kejiwaan manusia pada umumnya dan pada diri khalayak khususnya;
- (c) membimbing penutur menemukan ulasan, baik yang artistik maupun yang bukan artistik;
- (d) membimbing penutur mempertahankan kebenaran dengan hujah yang munasabah.

(Roberts, 1954:22 -- 23)

Beberapa fungsi lain yang dapat ditambahkan pada empat fungsi yang dirumuskan daripada gagasan Aristotle meliputi :

- (a) cara menanggap dan menganalisis topik wacana;
- (b) cara memilih wacana yang sesuai dengan tujuan yang ingin dicapai;
- (c) menata atau mengolah bahagian-bahagian wacana untuk menghasilkan kepaduan;
- (d) untuk memilih unsur bahasa bagi disusun menjadi ayat yang padu, utuh, mantap, dan bervariasi dan seterusnya menyusun perenggan-perenggan yang padu (dalam konteks penulisan);
- (e) untuk memilih gaya bahasa yang sesuai menurut laras dan tujuan.

Selanjutnya, aspek retorik yang perlu disebut secara ringkas ialah kaedah retorik. Sebagai satu disiplin ilmu, retorik memiliki kaedah tertentu sebagai prasyaratnya, sesuai dengan ciri utama yang menandai sesuatu ilmu menurut Karl Pearson (1957 dalam Gusti Ngurah Oka, 1990:59). Pada asasnya retorik itu sendiri merupakan suatu kaedah, iaitu kaedah untuk memudahkan penemuan kebenaran, mengajarkan kebenaran di tengah-tengah masyarakat untuk membina kehidupan yang lebih baik dan mengajarkan bagaimana untuk bertindak secara bijaksana (Natanson dan Johnstone, Jr. 1965:91)

Kaedah aliran retorik tradisional berasaskan taksonomi dalam penggarapan pokok persoalan yang dijadikan topik wacana. Pokok persoalan ditanggap dari dua sudut, iaitu pendekatan dari dalam untuk menemukan ulasan-ulasan artistik dan pendekatan dari luar untuk mendapatkan ulasan-ulasan yang bukan artistik. Dari sudut kaedah penataan atau pengolahan wacana, retorik tradisional mempertahankan tiga bahagian wacana yang penting, iaitu pendahuluan, inti atau badan wacana dan penutup.

Cicero menyarankan kaedah retorik yang terdiri daripada lima perkara atau langkah untuk menghasilkan pidato yang berkesan, iaitu:

- (a) memulakan pidato dengan pendahuluan yang menghantar pendengar ke situasi atau lingkungan topik;
- (b) menampilkkan fakta-fakta yang menjadi pokok persoalan;
- (c) menyatakan pandangan terhadap pokok persoalan yang digarap;
- (d) menampilkkan ulasan yang menunjang gagasan berkaitan dengan pokok persoalan dan memberikan ulasan pelemah gagasan yang menentang gagasan yang disampaikan;

- (e) menyimpulkan keseluruhan huraian pidato yang disertai usaha memperoleh simpati pendengar. (D. Bailey, 1965:99–101)

Walaupun kaedah yang disarankan oleh Cicero itu dikaitkan dengan retorik pidato, namun kesemuanya itu dapat juga diterapkan untuk retorik penulisan.

Dalam aspek bahasa pula, retorik tradisional mengembangkan kaedah pemilihan unsur bahasa dan penyusunannya berdasarkan prinsip-prinsip persuasi. Sejajar dengan prinsip itu, retorik tradisional menyarankan pemilihan bahasa yang berdaya persuasif dalam mengemukakan gagasan. Dalam konteks penulisan, pembinaan daya persuasi tidak hanya terbatas dalam ayat, malahan dalam suatu kesatuan paragraf. Daripada prinsip inilah kemudian timbul kecenderungan menggunakan bahasa yang dikatakan indah, baik, benar dan label-label lain yang seumpama itu. Bahkan dalam perkembangan selanjutnya, retoriklah yang menimbulkan satu disiplin lain, iaitu stilistik (Awang Sariyan,;1986).

Kaedah retorik yang dikembangkan oleh pengikut retorik baru berdasarkan prinsip identifikasi yang telah dibincangkan lebih awal, iaitu sebagaimana yang dikembangkan oleh Kenneth Burke. Beliau mendekati tingkah laku pengajaran bahasa berdasarkan pola yang wujud dalam pementasan drama. Lima komponen dasar yang diperhatikan ialah :

- (a) tindakan (*act*), iaitu yang tergambar pada perkataan tertentu;
- (b) medan (*scene*), iaitu tempat atau situasi berlangsungnya sesuatu tindakan;
- (c) pelaku (*agent*), iaitu pelaksana atau pendorong terjadinya tindakan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja bahkan meliputi kegiatan mental seperti cita-cita, keinginan, idea dan sebagainya;

- (d) sarana tindak (*agency*), iaitu sarana yang digunakan untuk menjalankan tindakan termasuk alat dan cara;
- (e) tujuan (*purpose*), iaitu segala yang merangsang terjadinya sesuatu tindakan yang diistilahkan sebagai motif.

(Gusti Ngurah Oka, 1990 : 46)

Seterusnya, kaedah retorik dikemukakan juga oleh penganut aliran Tagmemik yang menggunakan kaedah pemecahan masalah topik wacana yang dikenal sebagai kaedah Heuristik. Kaedah ini menyarankan penggunaan enam topik aspek yang terbahagi kepada dua tahap. Sebagai contoh, untuk topik wacana *Kebahagiaan* tahap pertama melibatkan :

- (a) Ciri-ciri penanda yang khas bagi *Kebahagiaan* (*distinctive feature*).
- (b) Ciri-ciri yang membezakannya daripada sesuatu yang bukan *Kebahagiaan* (*contractive feature*).
- (c) Distribusi fenomena *Kebahagiaan* dalam kenyataan (*distribution*).

Pada tahap yang kedua, topik tentang *Kebahagiaan* ditinjau dengan melihatnya sebagai:

- (a) Satu kesatuan gejala (*particle*).
- (b) Sesuatu yang hidup atau bergerak dalam proses (*wave*).
- (c) Bahagian daripada sesuatu yang lebih besar (*field*).

Dengan dua kaedah meninjau sesuatu topik, penganut aliran Tagmemik yakin bahawa penutur (dan juga penulis) mampu menyampaikan kebenaran yang sekali gus membantu khalayak memahami permasalahan berkaitan dengan topik.

Dari sudut persempahan, penulisan kaedah heuristik diolah menurut urutan yang berikut :

- (a) pendahuluan, iaitu bahagian yang mengarahkan pembaca kepada pokok persoalan;
- (b) latar belakang, iaitu bahagian yang mengemukakan pokok persoalan secara faktual atau sejarah dan kemudian mempertalikan nilai serta fungsinya dalam kehidupan;
- (c) ulasan, iaitu bahagian yang menampilkan premis utama dan premis kecil serta kesimpulan ulasan dalam kedua-dua premis itu;
- (d) kesimpulan, iaitu bahagian yang mengungkapkan kembali pokok persoalan.

(Young, Becker, dan Pike, 1970)

3.5 Retorik Penulisan Kewartawanan

Dalam bahagian yang terdahulu telah dibincangkan retorik sebagai seni penggunaan bahasa yang berkesan. Media massa sebagai satu wadah atau saluran komunikasi masyarakat memerlukan retorik untuk memberikan kesan tentang apa-apa yang dipaparkannya kepada masyarakat. Dalam hubungan inilah munculnya retorik penulisan kewartawanan yang ditandai oleh ciri-ciri khusus bidang tersebut. Hal ini sesuai dengan takrif berita yang dikemukakan oleh Walter Lippman (1922), iaitu Bapa Sosiologi Berita yang dikaitkan dengan *isyarat jelas yang objektif yang menimbulkan erti sesuatu peristiwa*. Dengan perkataan lain, penulisan kewartawanan, khususnya berita, terarah pada hal-hal yang menonjol dan mempunyai nilai untuk diperhatikan. Hall et al., (1973) pula menekankan tiga aspek pokok berita, iaitu :

- (i) kaitannya dengan peristiwa atau kejadian;
- (ii) kehangatannya;

- (ii) keberhargaannya sebagai berita atau kaitannya dengan beberapa hal atau orang penting.

Kenyataan Lippman dan Hall (1973) itu berkaitan pula dengan peranan kewartawanan yang kian berpengaruh dalam masyarakat. Sebagaimana kata Hohenberg (1978:3), dampak kewartawanan terhadap pemikiran awam kadangkala demikian kritikalnya sehingga menjadi faktor dalam pembentukan dasar awam di samping menjadi barometer tentang sikap awam yang merupakan pertimbangan penting dalam menilai perubahan sosial. Malahan, lebih daripada berfungsi menghimpunkan dan mewujudkan komunikasi antara peristiwa dengan masyarakat, kewartawanan menurut Hohenberg mempunyai tanggungjawab yang lebih berat untuk mencari kebenaran kerana berita dan kebenaran tidak senantiasa bersinonim. Sebagai rumusan tentang amalan kewartawanan dalam pembentukan dunia masa depan (walaupun beliau merujuk kepada masyarakat Barat), Hohenberg menyarankan empat fungsi unggul kewartawanan, iaitu :

- (i) pencarian yang tidak berpenghujung tentang kebenaran;
- (ii) untuk mendepani perubahan zaman bagi kepentingan awam;
- (iii) memberikan khidmat yang memberikan kesan dan signifikan kepada kepentingan awam;
- (iv) mempertahankan kebebasan.

Kesemua ciri unggul tersebut dapat dicapai berasaskan premis kejujuran, keadilan, dan sikap tidak berpihak dalam mempersempitbahkan berita. Dengan berdasarkan hakikat bahawa penulisan kewartawanan sebagai unsur yang ditandai (*the signified*) atau makna yang disampaikan dan bahasa sebagai penanda (*the signifier*)

atau lambang makna, sudah semestinya ciri-ciri unggul penulisan kewartawanan seperti yang dibincangkan tercermin melalui gaya bahasa yang digunakan.

Dalam konteks memenuhi takrif Lippman dan penekanan Hall di atas itu, diperlukan penggunaan bahasa yang berkesan, iaitu intisari pengertian retorik. Antara asas yang mencirikan retorik kewartawanan termasuklah:

- (i) komunikasi massa diolah sedemikian rupa untuk khalayak yang besar, tidak dikenal dan berpencar, dan oleh itu penulis media massa telah membentuk gaya penulisan yang membantu berlangsungnya komunikasi untuk khalayak yang sedemikian;
- (ii) penulisan media perlu difahami dengan mudah oleh pembaca atau khalayak dengan pengertian tulisan itu menghubungkan idea dan maklumat dengan khalayak;
- (iii) tugas karyawan dalam media massa seperti editor, penulis, penerbit dan wartawan mungkin berbeza, tetapi kesemuanya memiliki matlamat yang sama, iaitu mewujudkan komunikasi yang baik dengan khalayak sasar mereka.

(Baker-Woods, Gail et al.,1997:3-4)

Untuk meneliti retorik penulisan kewartawanan, perbincangan akan tertumpu pada aspek yang berkaitan dengan jenis-jenis berita, komponan berita, binaan berita dan aras penulisan kewartawanan.

3.5.1 Jenis-jenis dan Ciri-ciri Berita

Berita sebagai tonggak penulisan kewartawanan yang meliputi pelbagai ranah (*domain*) seperti politik, ekonomi, sosial, undang-undang, hubungan antarabangsa, kebudayaan

dan sebagainya secara kasar dapat dibahagi kepada dua jenis yang utama, iaitu *hard news* dan *soft news*.

Hard news ditandai oleh ciri yang berikut :

- (i) bersifat serius, fakta dan semasa tentang topik-topik penting;
- (ii) memaparkan peristiwa besar seperti jenayah, kemalangan, kempen politik, krisis ekonomi dan sebagainya;
- (iii) berkaitan dengan peristiwa yang berlaku atau meletus pada saat yang terkini.

Bagi menjelaskan konsep *hard news*, beberapa istilah lain telah digunakan seperti *spot news*, *straight news* dan *breaking news*. Sementara itu, *soft news* ditandai oleh ciri yang berikut:

- (i) berkaitan dengan minat awam dan lazimnya diolah dalam bentuk rencana;
- (ii) topik atau isunya boleh jadi tidak bersifat semasa dan tidak terlalu penting, tetapi tidak pula menjemukan atau hambar;
- (iii) ditulis pada asasnya untuk menghiburkan daripada memaklumkan;
- (iv) lebih menggerakkan emosi daripada intelek pembaca;
- (v) menggunakan gaya penulisan yang lebih hidup dengan menyertakan lebih banyak anekdot, petikan dan huraian.

(Fedler, 1993:114)

Ciri-ciri berita menurut Fred Fedler (1993:116–117) terbahagi kepada lima, iaitu :

- (i) kesemasaan – Ciri ini berkaitan dengan penekanan kepada penyampaian maklumat semasa tentang peristiwa sosial, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Sekiranya suatu kejadian berlaku satu atau dua hari lebih awal, wartawan berusaha mencari sudut atau perkembangan baru tentang kejadian tersebut;

- (ii) kepentingan – Berita menekankan penyampaian maklumat yang penting, iaitu yang dapat memberikan kesan, melibatkan atau menarik minat khalayak;
- (iii) kemasyhuran – Berita seringkali dikaitkan dengan individu yang ternama atau masyhur dalam bidang tertentu. Sesuatu peristiwa yang berlaku pada orang kebanyakan tidak dianggap mempunyai nilai berita tetapi peristiwa yang sama yang melibatkan individu ternama sering mendapat liputan media;
- (iv) kehampiran – Berita yang berkaitan dengan hal ehwal setempat lazimnya dianggap mempunyai nilai berita yang lebih berbanding dengan berita luaran;
- (v) keanehan - Ciri ini berkaitan dengan peristiwa atau perkara yang sama ada menyimpang daripada kebiasaan atau tidak diduga. Ciri ini diungkapkan oleh John B. Bogart (1880 dlm. Brucker, 1973:3) sebagai:

"Apabila seekor anjing menggigit manusia, itu bukanlah berita, tetapi apabila seorang manusia menggigit anjing itulah berita."

Sementara itu Baker-Woods (1977:88) mengemukakan empat ciri berita yang utama, iaitu:

- (i) ketepatan – Ciri ini menekankan berita sebagai wadah yang menyalurkan maklumat yang tepat, iaitu selaras dengan rukun berita yang enam ($5W + 1H$) : apa, siapa, di mana, bila, mengapa dan bagaimana);
- (ii) menarik minat – Ciri ini menekankan berita sebagai penyampai maklumat yang menarik minat khalayak, selaras dengan takrif berita yang diberikan oleh Keith Fuller, Presiden *Associated Press* yang berbunyi “*Ghee whiz, I didn't know that, it is news*” atau kata-kata Turner Catledge, editor eksekutif *New York Times* yang berbunyi “*News is anything you didn't know yesterday.*” (Baker-Woods, 1977:88);
- (iii) kesemasaan - Ciri ini menyamai ciri yang dikemukakan oleh Fedler;

- (iv) penerangan – Ciri ini berkaitan dengan fungsi berita sebagai alat komunikasi sosial yang memaparkan peristiwa-peristiwa yang relevan dengan kehidupan masyarakat.

Fedler menambah beberapa ciri lain berita seperti yang berikut :

- (i) menyisipkan humor – Adakalanya berita ditandai oleh adanya humor;
- (ii) memastikan keobjektifan – Ciri ini menekankan berita sebagai wacana yang berasaskan fakta atau dapatan daripada pengumpulan maklumat;
- (iii) mengelakkan perincian yang tidak penting;
- (iv) mengelakkan sensasi;
- (v) mengelakkan khabar angin.

3.5.2 Komponen dan Binaan Berita

Secara kasar berita terbahagi pada dua bahagian utama, iaitu judul berita dan teks berita.

3.5.2.1 Judul Berita

Sesuatu berita yang baik dan menarik yang diolah secara sistematik belum bererti apa-apa jika tidak dibantu oleh judul berita. Bahkan judul beritalah yang pertama-tama merangsang khalayak untuk membaca teks berita. B.H. Hoed (1978:2) menegaskan fungsi berita sebagai:

- (i) memperkenalkan apa-apa yang ada dalam teks berita;
- (ii) menarik perhatian pembaca.

Julian Harriss et al. (1989:649) menekankan bahawa judul berita memainkan peranan penting untuk menarik minat pembaca terhadap sesebuah berita. Menurutnya judul

berita merupakan penunjuk sesebuah cerita. Empat fungsi judul berita dikemukakannya, iaitu :

- (i) menarik minat pembaca terhadap sesebuah cerita;
- (ii) meringkaskan cerita itu, agar pembaca mendapat gambaran sepintas lalu tentang cerita itu;
- (iii) membantu pembaca menilai cerita tersebut;
- (iv) mengindahkan surat khabar itu agar menarik untuk dibaca.

Judul berita lazimnya diambil daripada pendulu berita, iaitu bahagian awal sesuatu teks berita. Hal ini demikian kerana pendulu berita meringkaskan seluruh berita. Oleh itu, pendulu berita perlu diterjemahkan menjadi ayat yang jitu, tajam dan gramatis sebagai judul berita. Bagaimanapun, bahan daripada tubuh cerita boleh juga digunakan untuk membuat judul berita jika gaya tajuk berita membenarkan penggunaan judul berita kedua yang dikenal sebagai *deck*.

Harold Evans (1974:139) menyarankan empat garis panduan untuk menghasilkan judul berita yang baik, iaitu :

- (i) pertalian (*relevance*);
- (ii) ketepatan (*particularity*);
- (iii) keringkasan (*brevity*);
- (iv) kelancaran (*fluency*)

Pertalian bermaksud bahawa judul berita harus dapat mengambarkan isi berita. B.H.

Hoed (1978:5) membahagikan judul berita kepada dua jenis:

- (a) judul langsung – judul yang ada hubungannya secara langsung dengan bahagian utama berita;
- (b) judul tak langsung – judul yang tidak ada hubungannya secara langsung dengan bahagian utama berita.

Judul langsung dapat terdiri daripada salah satu yang berikut ini:

- (a) ringkasan teks berita;
- (b) tafsiran;
- (c) petikan;

Judul tak langsung dapat terdiri daripada ringkasan, tafsiran dan petikan juga, tetapi judul jenis ini mengambil satu aspek daripada suatu berita untuk ditonjolkan sebagai judul berita. Sebagai contoh, sewaktu sistem kad perakam waktu dimulakan, akhbar *Berita Harian* 28 Ogos 1981 menjadikan berita tersebut sebagai berita muka hadapan. Tetapi judul beritanya tidaklah secara langsung tentang sistem tersebut melainkan tentang Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menggunakan sistem tersebut.

Untuk mencapai ketepatan, keringkasan dan kelancaran, penulis berita perlu menguasai bahasa dengan baik. Tidaklah mudah menulis judul berita dengan ringkas dengan menggunakan beberapa patah kata yang menarik untuk mencapai suatu fakta yang bersifat rencam (*complicated*). Kata Harold Evans (1974:13) kebolehan menulis judul berita yang baik merupakan lima puluh peratus daripada kemahiran penulis berita. Seni judul berita terletak pada imaginasi dan perbendaharaan kata.

Suatu rahsia strategi yang dapat digunakan untuk menghasilkan judul berita yang baik ialah penggunaan kata kerja (Evans, 1974:25). Hal ini demikian oleh sebab berita berkaitan dengan aktiviti dan kata kerja berfungsi menggambarkan tindakan atau perbuatan. Kata kerja dapat *menghidupkan* judul berita. Tanpa kata kerja judul berita menjadi lemah.

Untuk menjadikan judul berita benar-benar hidup, kata kerja yang paling sesuai digunakan ialah kata kerja aktif. Kata kerja aktif dapat menjadikan judul berita lebih jelas, tepat dan langsung. Umumnya, struktur pasif lebih banyak menggunakan kata daripada struktur aktif. Misalnya, judul berita yang berbunyi “Kerajaan Terengganu Melancarkan Kursus Intensif” lebih baik daripada “Kursus Intensif Dilancarkan Oleh Kerajaan Terengganu”.

Namun demikian, adakalanya struktur pasif lebih baik digunakan untuk maksud penegasan. Contohnya :

- (i) “Anwar Sadat Mati Ditembak” (*Utusan Malaysia*, 7 Oktober 1981, hlm. 1).
- (ii) “Sindikit Wang Palsu:Bekas Detektif Hong Kong Diberkas” (*ibid*, hlm. 10).

Dalam contoh yang pertama, jelas bahawa yang hendak dijadikan berita ialah Presiden Anwar Sadat. Dengan demikian, wajarlah struktur pasif digunakan kerana Anwar Sadat ialah *pihak yang dikenai atau subjek penderita*, sementara penembaknya yang menjadi pelaku tidak dipentingkan. Judul berita itu menjadi kurang berkesan jika ditulis dalam struktur aktif : “Tentera Mesir Menembak Anwar Sadat”. Boleh dikatakan nilai berita menjadi kurang dan kesan kepada pembaca tidaklah kuat.

Dalam contoh kedua, dapat diduga pihak mana yang tugasnya menahan atau memberkas orang yang bersalah. Oleh itu, tidaklah dapat dianggap berita yang menarik jika pihak yang memberkas orang salah yang dijadikan subjek dalam judul berita. Sebaliknya, berita tentang detektif polis yang terlibat dalam sindikit wang palsu merupakan berita yang menarik. Hal ini dapat kita hubungkan dengan konsep berita yang dikemukakan oleh John B. Bogart dalam tahun 1880 seperti yang telah diungkapkan. “*Apabila seekor anjing menggigit manusia, itu bukanlah berita; tetapi apabila seorang manusia menggigit anjing, itulah berita*”. (Brucker, 1973:3)

Satu prinsip lain untuk menghasilkan judul berita yang baik ialah menulis sesuatu secara khusus dan tepat. Patut dielakkan judul yang menggunakan kata yang bersifat umum seperti *pembangunan*. Sebaik-baiknya khususkanlah bentuk pembangunan itu: adakah sekolah baru, hospital baru atau jalan baru?

Selain itu, ada pula prinsip bahawa judul berita harus disampaikan dalam bentuk positif (Evans, 1974:33). Penyampaian dalam bentuk yang negatif perlu dielakkan. Jelasnya, penggunaan kata nafi *tidak, bukan* dan kata bantu yang bersifat negatif seperti *belum* sedapat mungkin dielakkan penggunaannya.

Satu lagi prinsip adalah bahawa judul berita harus berisi hanya satu fikiran sahaja (Evans, 1974:35). Mudahnya, sesuatu judul tidak hanya terletak pada penggunaan kata-kata yang mudah sahaja, malahan terletak juga pada penyampaian sesuatu fikiran secara mudah. Menyatakan suatu fikiran atau fakta dengan ruang yang terbatas memerlukan kemahiran. Terlalu banyak kata yang digunakan mungkin juga mengaburkan fakta pada judul berita. Oleh itu, sebaik-baiknya judul berita harus mendukung satu fakta sahaja.

Penulisan judul berita yang baik merupakan suatu seni. Julian Harriss, (et al., 1989:659–665) dengan berdasarkan kajian terhadap judul berita beberapa akhbar telah mengemukakan sebanyak 18 prinsip penulisan judul berita. Prinsip-prinsip tersebut dengan beberapa contoh yang telah diubahsuaikan adalah seperti yang berikut:

1. Tajuk berita patut menerangkan saripati cerita berkenaan dengan tepat. Tajuk berita patut ditulis berdasarkan pendulu, iaitu bagi kes cerita berita dan diberikan sebanyak mungkin unsur 5W. Tiap-tiap tajuk berita mestilah mengandungi ayat yang lengkap dan buanglah perkataan yang tidak perlu:

KURANG BERKESAN

Lelaki Mendapat
Cedera Parah

LEBIH BERKESAN

Pengawal Terbunuh
Dalam Tembak-Menembak

2. Persamaan panjang sesuatu baris tajuk berita itu dengan baris yang berikutnya seboleh-bolehnya hendaklah dikekalkan. Baris ayat janganlah terlalu disesakkan dengan taip atau janganlah dikosongkan. Baris hendaklah seimbang;

KURANG BERKESAN

McDonald Akan
Mengetuai Pejabat FBI

LEBIH BERKESAN

McDonald Dilantik
Ejen FBI Di Sini

KURANG BERKESAN

Datuk Bandar
Seru
Jimat Elektrik

LEBIH BERKESAN

Datuk Bandar Seru
Jimat Elektrik

3. Jika suatu tajuk berita itu dibuat dalam pelbagai gaya, tiap-tiap bahagian hendaklah berayat penuh dan bererti;

KURANG BERKESAN

Tumpahan Minyak

100 Batu Panjang

Dilaporkan oleh

Pengawal Pantai

LEBIH BERKESAN

Tumpahan Minyak

Mengancam Pantai

Meliputi 100 Batu,

Menurut Pengawal

4. Tajuk berita jangan diulang. Tiap-tiap *deck* patut memaparkan maklumat tambahan:

KURANG BERKESAN

Undang-undang Trak Berat

Masih Ditangguhkan

Undang-undang Trak

Berat Masih Dipohon

LEBIH BERKESAN

Undang-undang Trak Berat

Masih Ditangguhkan

Pendapat Umum

Didengar April Nanti

5. Tajuk berita yang mengelirukan dan kabur seboleh-bolehnya jangan disiarkan:

KURANG BERKESAN

Pesara Menentang

Rancangan Pencen Masa Depan

LEBIH BERKESAN

Kumpulan Pesara Menentang

Rancangan Pencen Baru

6. Cerita rencana patut memaparkan tajuk berita rencana:

KURANG BERKESAN

Lawatilah Pulau Canary

LEBIH BERKESAN

Canary Pulau Pelancongan Indah

7. Tiap-tiap berita patut mengandungi kata kerja bagi menghidupkan ayat. Kata kerja sepatutnya dibubuh dalam baris pertama. Jangan mulakan tajuk berita dengan kata kerja:

KURANG BERKESAN

Lorong Maktab

LEBIH BERKESAN

Lorong Maktab Dibuka

8. Pada umumnya, tajuk berita patut ditulis dalam bentuk ayat aktif dan bukan ayat pasif:

KURANG BERKESAN

Pemogok Diberi Amaran
oleh Datuk Bandar

LEBIH BERKESAN

Datuk Bandar Beri Amaran
Pada Pemogok

9. Tajuk berita patut ditulis dalam kala kini (atau kala depan). Bagaimanapun, ada juga surat khabar yang mengamalkan gaya kala lampau dalam tajuk beritanya:

KURANG BERKESAN

Penjenayah Telah Lari
Ke Dalam Hutan

LEBIH BERKESAN

Penjenayah Lari
Ke Dalam Hutan

10. Tajuk berita patut menggunakan bahasa yang hidup dan segar, elakkan bahasa yang membosankan:

KURANG BERKESAN

Kongres Mengkaji Lagi
Kawalan Senjata Api

LEBIH BERKESAN

Kongres Mengkaji
Bersungguh-sungguh
Kawalan Senjata Api

11. Jangan ulangi perkataan yang telah digunakan:

KURANG BERKESAN

Rundingan Mogok Tamatkan
Mogok Pekerja Besi

LEBIH BERKESAN

Rundingan Tamatkan

Mogok Pekerja Besi

12. Tajuk berita sepatutnya spesifik. Gunakan perkataan yang tepat bagi sesuatu tajuk berita:

KURANG BERKESAN

Belia Cedera

Dalam Pergaduhan

LEBIH BERKESAN

Belia Ditikam

Dalam Pergaduhan

13. Elakkan penggunaan dialek atau loghat daerah dalam tajuk berita:

KURANG BERKESAN

Nilai Pitih Naik Hari Ini

LEBIH BERKESAN

Nilai Ringgit Naik Hari Ini

14. Penulis tajuk berita tidak boleh menggunakan ejaan singkat kecuali singkatan itu merupakan gaya akhbar berkenaan:

KURANG BERKESAN

Hujan Akan Turun

Ptg Esok

LEBIH BERKESAN

Hujan Akan Turun

Petang Esok

15. Tanda pembuka kata tunggal patut digunakan dalam tajuk berita:

KURANG BERKESAN

Budak Diculik

“Ditanam Hidup-hidup”

LEBIH BERKESAN

Budak Diculik

‘Ditanam Hidup-hidup’

16. Jangan gunakan kata singkatan kecuali kata singkatan itu piawai seperti UMNO, FBI dan lain-lain.

17. Frasa yang mengandungi kata nama dan penerang adjektif, frasa preposisional dan frasa kata kerja hendaklah jangan dipisahkan di antara baris-baris ayat:

KURANG BERKESAN

Majlis Meluluskan Cukai
Jualan Tanpa Sebarang Protes

LEBIH BERKESAN

Cukai Jualan Diluluskan
Tanpa Sebarang Protes

18. Tajuk berita tentang pendapat hendaklah benar-benar ditekankan:

KURANG BERKESAN

Cukai Ke Atas Perniagaan
Terlalu tinggi

LEBIH BERKESAN

Peniaga Berpendapat
Cukai Perniagaan Terlalu Tinggi

Tajuk Berita Kecil. Tajuk berita kecil berupa huruf bertaip kasar yang digunakan dalam cerita berita yang panjang. Umumnya tajuk itu diletakkan selepas beberapa perenggan cerita dimuatkan dalam akhbar dan dibubuh secara sama rata selepas tiga atau empat perenggan cerita ditulis dalam sesuatu cerita itu. Tajuk berita kecil yang akhir biasanya diletakkan pada perenggan ketiga sebelum cerita itu berakhir, biasanya di tengah-tengah. Bagaimanapun, aturan ini sentiasa berubah dari sebuah akhbar ke sebuah akhbar yang lain. Prinsip umum penulisan tajuk berita kecil adalah sama sebagaimana penulisan tajuk berita.

Pada tahun-tahun belakangan ini, setengah-setengah surat khabar tidak menggunakan tajuk berita kecil. Cara lain yang diamalkan ialah dengan menggunakan taip tebal bagi seluruh perenggan, kemudian diselangi dengan gambar dan diikuti lagi dengan beberapa perenggan lain. Setengah-setengah surat khabar yang lain pula akan membuat tajuk berita kedua (sama seperti *deck*) yang dibubuh di dalam kotak.

3.5.2.2 Teks Berita

Teks berita terdiri daripada dua bahagian yang penting, iaitu **pendulu** dan **badan berita**. Pendulu ialah perenggan pertama dalam sesuatu teks berita yang ditandai oleh ciri yang berikut :

- (i) bahagian yang terpenting dalam teks berita;
- (ii) bahagian yang meringkaskan seluruh berita;
- (iii) bahagian yang dapat menimbulkan minat pembaca;
- (iv) bahagian berita yang paling sukar untuk ditulis.

Seseorang penulis berita, sesudah memilih fakta-fakta yang mempunyai nilai berita perlu meringkaskan fakta-fakta tersebut dengan ayat yang tajam, jelas dan dapat memberikan gambaran langsung tentang sesuatu peristiwa. Itulah yang terkandung dalam bahagian pendulu. Soalan yang mesti dijawab dalam pendulu dalam penulisan berita yang tradisional ialah yang berkaitan dengan enam unsur berita, iaitu : apa, siapa, bila, di mana, mengapa dan bagaimana. Bagaimanapun Fedler (1993:140) menyatakan bahawa dalam gaya penulisan berita yang mutakhir, penekanan terhadap keenam-enam unsur dalam pendulu telah berubah. Hal ini demikian kerana gaya pendulu sedemikian terlalu panjang dan kompleks dan tidak semua unsur tersebut penting untuk memenuhi nilai berita. Sebaliknya pendulu dalam gaya mutakhir menekankan unsur yang terpenting daripada enam unsur yang tersebut. Untuk menentukan soalan mana yang terpenting bagi sesuatu berita, perkara yang perlu dipertimbangkan ialah :

- (i) maklumat yang terpenting;
- (ii) apakah yang diperkatakan atau dilakukan terhadap topik yang diberitakan;
- (iii) perkembangan yang terkini, berkaitan dengan topik berkenaan;
- (iv) fakta yang paling memberikan kesan atau menarik minat pembaca;
- (v) fakta yang paling luar biasa.

Dari sudut struktur ayat yang digunakan, kebanyakan pendulu terdiri daripada satu ayat yang lengkap, iaitu yang dapat memberikan gambaran tentang topik berita. Penggunaan dua atau tiga ayat dalam pendulu akan melemahkan keutuhan pendulu kerana pendulu menjadi sarat dengan kata-kata hingga timbul kemungkinan berlakunya pengulangan, dan pendulu menjadi tidak lancar.

Fedler turut menyarankan lapan prinsip pendulu seperti yang berikut :

- (i) pendulu hendaklah ringkas;
- (ii) pendulu hendaklah khusus;
- (iii) pendulu hendaklah mengutamakan penggunaan kata kerja aktif;
- (iv) pendulu hendaklah menekankan aspek berita yang penting;
- (v) pendulu hendaklah menekankan aspek berita yang luar biasa;
- (vi) pendulu hendaklah mengutamakan peristiwa setempat;
- (vii) pendulu hendaklah menekankan nada yang objektif;
- (viii) pendulu hendaklah menekankan kesederhanaan cara penyampaian.

Selain pendulu yang tersebut di atas, ada pula pendulu yang disebut *pendulu alternatif*. Pendulu alternatif dikenal juga sebagai *soft lead*. Pendulu jenis ini memulakan teks berita dengan perincian yang menarik, lazimnya yang merupakan soalan, petikan, anekdot atau huraian. Berbeza daripada pendulu yang lazim, pendulu alternatif mungkin secara langsung masuk ke bahagian berita tanpa percubaan mengemukakan ringkasan berita. Akhbar di Amerika yang mula-mula mempelopori pendulu alternatif ialah *The Wall Street Journal* pada tahun 1940-an dan diikuti oleh akhbar *The Los Angeles Times*, *The Miami Herald* dan *The Boston Globe*. Pengendali akhbar-akhbar tersebut mengemukakan hujah yang berikut untuk memilih pendulu sedemikian, iaitu:

- (i) pendulu yang konvensional merupakan pendulu yang menyamai beg pakaian (*suitcase lead*), iaitu tidak memberikan ruang kelenturan dalam persembahannya;
- (ii) pendulu yang mengutamakan ringkasan berita menyukarkan penulis berita menghasilkan cerita yang menarik;
- (iii) pendulu konvensional menutup kemungkinan untuk menimbulkan kejutan dalam pemberitaan dan menjadikan semua berita berpola yang sama.

Penulis yang menggunakan pendulu alternatif menulis teks berita dalam tiga bahagian utama, iaitu pengenalan, transisi dan naratif yang lazimnya menurut susunan kronologis.

Bentuk teks berita sedemikian dikenal sebagai bentuk *hourglass*.

Untuk tujuan kajian ini, kedua-dua pendekatan penulisan pendulu itu akan diperhatikan dalam menganalisis korpus, iaitu penulisan kewartawanan *Berita Harian*.

Beberapa prinsip penulisan pendulu jenis konvensional yang diutarakan oleh Itule dan Anderson (2000:34-35), iaitu yang menekankan ringkasan berita, adalah seperti yang berikut:

- (i) Selaras dengan penulisan pendulu dalam satu ayat, pendulu tidak seharusnya melebihi 35 patah perkataan, walaupun dalam setengah-setengah kes mungkin diperlukan jumlah kata-kata yang lebih banyak;
- (ii) Pendulu yang baik tidak berisi terlalu banyak maklumat semata-mata untuk memenuhi rukun 5W + 1H. Pendulu haruslah berisi unsur-unsur yang paling penting, sementara unsur yang lain boleh dimasukkan dalam perenggan seterusnya;

- (iii) Selaras dengan prinsip di atas, pendulu yang baik tidak menangguhkan unsur terpenting dalam perenggan lain yang dikenal sebagai *buried lead*;
- (iv) Pendulu dihasilkan dengan berdasarkan penentuan maklumat tumpuan, iaitu memilih salah satu unsur daripada 5W + 1H yang sepatutnya diketengahkan;
- (v) Letakkan unsur masa sebagai satu bahagian penting dalam pendulu;
- (vi) Sedapat mungkin pendulu ditulis dengan menggunakan binaan ayat aktif berbanding dengan ayat pasif untuk menjadikan pendulu lebih bersifat langsung. Hal ini berkaitan dengan sifat ayat aktif yang menekankan pelaku yang berbuat sesuatu. Binaan ayat pasif hanya digunakan apabila objek yang dikenai lebih penting daripada pelaku yang melakukan sesuatu terhadap objek tersebut;
- (vii) Dalam keadaan tertentu, pernyataan sumber sesuatu maklumat perlu dalam pendulu untuk menambah keautentikan dan kewibawaan berita. Sumber itu lazimnya merujuk kepada orang yang terlibat dalam peristiwa yang dilaporkan.

Pendekatan kedua penulisan pendulu pula terbahagi kepada beberapa jenis yang dikenal sebagai :

- (i) naratif;
- (ii) kontras;
- (iii) staccato;
- (iv) pernyataan langsung;
- (v) soalan;
- (vi) petikan;
- (vii) bentuk lain.

Pendulu naratif yang disebut juga pendulu anekdot merupakan pendulu yang amat popular dalam penulisan *feature*. Pendulu jenis ini meletakkan khalayak di

tengah-tengah peristiwa dengan menggunakan anekdot atau gambaran peristiwa. Lazimnya, pendulu jenis ini ditulis dalam dua perenggan atau lebih. Perenggan naratif dihubungkan dengan berita yang hendak dikemukakan dengan menggunakan *nut graph*.

Pendulu kontras pula membandingkan seseorang atau sesuatu dengan yang lain. Antara perbandingan itu termasuklah komedi dan tragedi, yang besar dengan yang kecil, yang tua dengan yang muda, serta yang lampau dengan yang semasa. Bagaimanapun, yang lebih lazim perbandingan berkaitan dengan perubahan yang disebabkan waktu. Khalayak diberi gambaran tentang peristiwa atau persepsi masa lalu dan kemudian dibawa ke peristiwa atau persepsi semasa.

Pendulu *staccato* terhasil daripada penggunaan frasa yang mengejutkan khalayak untuk menghidupkan suasana berita. Misalnya, frasa *telefon bimbit punca barah otak* pernah digunakan sebagai pendulu bagi berita tentang penemuan kajian tentang kesan sampingan penggunaan telefon bimbit.

Pendulu penyataan langsung ditandai oleh penggunaan kata ganti diri kedua seperti *anda* untuk berkomunikasi dengan khalayak. Pendulu ini bertujuan melibatkan khalayak dalam pemberitaan sesuatu peristiwa. Sebagai contoh, ayat: *Langkah terbaik menjaga kebersihan kawasan rumah anda*, lebih menarik sebagai unsur pendulu daripada petikan atau ringkasan berita tentang nasihat seseorang pemimpin. Bagaimanapun, pendulu jenis ini tidak sesuai untuk *hard news* seperti kemalangan, peperangan dan sebagainya.

Pendulu soalan bermula dengan satu atau beberapa soalan yang dikemukakan kepada khalayak. Soalan yang dikemukakan itu hendaklah segera dijawab sebaik-

baiknya dalam perenggan yang pertama itu juga kerana tujuan pendulu jenis ini sekadar untuk merangsang khalayak.

Pendulu petikan pula mengetengahkan watak yang diberitakan untuk berkomunikasi dengan khalayak secara langsung, iaitu dengan memetik kata-kata watak tersebut. Sebaik-baiknya watak atau tokoh yang dipetik kata-katanya itu dinyatakan sesudah petikan itu. Dengan demikian, petikan itu lazimnya petikan yang singkat untuk menarik perhatian khalayak. Petikan itu pula hendaklah dapat mewakili isi berita yang hendak dikemukakan, bukan petikan di luar konteks.

Selain jenis-jenis pendulu yang disebut itu terdapat pula pendulu yang tidak dapat dimasukkan ke dalam mana-mana kategori. Pendulu itu mungkin merupakan paduan antara kategori tertentu atau mungkin juga pendulu yang sukar didefinisikan. Contohnya, ada pendulu yang merupakan baris-baris puisi atau lagu. Satu lagi kemungkinannya pendulu itu menggunakan pendekatan novel untuk menarik perhatian pembaca. Pendulu ini dikenal sebagai pendulu *freak*, iaitu dengan penggunaan struktur ayat yang lazim digunakan dalam novel.

Seterusnya, bahagian kedua teks berita ialah badan berita. Badan berita terdiri bahagian yang mengikuti pendulu. Bahagian ini lazimnya mengemukakan fakta-fakta menurut susunan pentingnya fakta-fakta tersebut. Perincian berita yang terpenting lazimnya tertulis dalam perenggan yang kedua. Dari perenggan kedua hingga perenggan akhir badan berita diolah menurut struktur piramid terbalik, dan perenggan itu berurutan mengikut tingkat pentingnya maklumat yang terkandung di dalamnya. Setiap perenggan yang terkemudian menjelaskan dan melengkapi perenggan

sebelumnya. Badan berita memenuhi salah satu atau kedua-dua tujuan yang berikut, iaitu:

- (i) menjelaskan dan menghuraikan ciri atau ciri-ciri yang terdapat dalam pendulu;
- (ii) menambah dan menghuraikan ciri-ciri kecil yang tidak diringkaskan dalam pendulu.

Untuk mencapai tujuan tersebut dan juga untuk mempersempahkan fakta-fakta mengikut urutan logik, perlu dilihat bentuk berita, iaitu sama ada berita yang terdiri daripada satu ciri sahaja atau berita yang terdiri daripada beberapa ciri.

Bagi berita yang terdiri daripada satu ciri sahaja, pendulunya berkisar di sekitar ciri itu. Selanjutnya, badan ceritanya pula menjelaskan dan menyokong pendulu itu dengan menambahkan fakta-fakta yang berkaitan. Fakta-fakta itu disusun menurut urutan nilai berita yang didokong oleh fakta berkenaan. Yang berikut ini ialah contoh berita jenis satu ciri :

Membentuk Pendulu Ciri Tunggal. Jika sebuah cerita mengandungi satu ciri sahaja, maka pendulunya akan berkembang di sekitar ciri itu. Tubuh ceritanya pula akan menjelaskan dan menyokong kebenaran pendulu itu dengan menambahkan fakta-fakta yang berkaitan. Dalam hal ini, tugas pemberita adalah mempertimbangkan kebernilaian berita semua fakta supaya fakta-fakta ini boleh dipersembahkan mengikut urutan logik.

Di bawah ini adalah contoh cerita jenis ini :

GAMBAR RAJAH

Pendulu: Satu Ciri



CERITA YANG BERTULIS

Penubuhan sebuah Lembaga

Penyiasatan Awam bukan politik untuk
menyiasat semua kes kekejaman polis yang

dikatakan berlaku itu telah disyorkan dalam satu laporan yang dikemukakan kepada Datuk Bandar Thomas Swift hari ini.

Laporan itu, daripada sebuah suruhanjaya khas yang dilantik tiga bulan yang lalu oleh Datuk Bandar untuk menyiasat Jabatan Polis, berkata:

Butir-butir Ciri

1

“Sebuah Lembaga Siasatan Awam diperlukan kerana Jabatan Polis telah diresapi politik dengan sewenang-wenangnya dan tidak berupaya menyiasat hal-hal jabatannya sendiri dengan adil dan saksama”.

TUBUH CERITA

Lebih Banyak Butir

1

Laporan itu menyatakan bahawa Biro Keselamatan Hal-hal Dalam Jabatan, Jabatan Polis belum mengambil apa-apa tindakan tatatertib terhadap seorang pun pegawai polis walaupun lebih daripada 30 orang telah menuduh bahawa mereka telah dipukul dan dianiaya oleh para pegawai polis semasa disoal siasat dan ditangkap dalam masa 18 tahun bulan yang lalu.

“Dalam dua kes yang pegawai-pegawai polis didapati bersalah di mahkamah kerana melakukan ancaman dan serangan, Jabatan Polis masih tidak mengambil apa-apa tindakan tatatertib”, kata laporan itu.

Lembaga Siasatan Awam yang dicadangkan itu akan dilantik oleh Datuk Bandar dan disahkan oleh Majlis Bandar raya. Seorang anggota akan dipilih mewakili setiap daerah majlis bandar raya itu. Mereka akan berkhidmat selama tiga tahun.

Semua
Lain
Cerita
Lengkap



Perenggan
dalam

Datuk Bandar Swift telah melantik suruhanjaya khas itu untuk menyiasat Jabatan Polis sebagai reaksi terhadap beberapa banyak aduan tentang kezaliman polis. (Sebarang perenggan tambahan akan memberikan lebih banyak butiran mengenai pendulu satu ciri itu).


Bagi berita yang pendulunya mengetengahkan beberapa ciri, badan berita yang ditulis hendaklah menyokong setiap ciri yang dikemukakan dalam pendulu itu. Hal ini bererti bahawa penulis berita tidak boleh hanya menghuraikan sesuatu ciri dalam pendulu yang

menarik sahaja. Contoh yang berikut menunjukkan bagaimana badan berita yang mengembangkan atau menghuraikan pendulu yang mengetengahkan beberapa ciri:

Perkembangan Ringkasan. Jika lebih daripada satu ciri diringkaskan dalam pendulu, maka setiap ciri itu haruslah dihuraikan mengikut urutan persembahannya dalam pendulu itu (mengikut urutan logik). Perhatikan contoh yang berikut:

GAMBAR RAJAH

Pendulu: Ringkasan
Semua Ciri



CERITA YANG BERTULIS

Penubuhan sebuah lembaga awam bukan politik untuk mempertimbangkan kes-kes kezaliman polis yang dikatakan berlaku, latihan perhubungan awam yang khusus bagi semua pegawai polis, dan penyusunan semula Biro Keselamatan Hal-chwal Dalam Jabatan, Jabatan Polis telah disyorkan dalam satu laporan yang dikemukakan kepada Datuk Bandar Thomas Swift hari ini.

Butir-butir Umum
kepada Semua Ciri

Laporan itu telah disediakan oleh suruhanjaya khas yang dilantik oleh Datuk Bandar tiga bulan yang lalu untuk menyiasat Jabatan Polis Bandar raya yang kucar-kacir pentadbirannya.

Butir-butir Ciri Pertama



Lembaga siasatan yang dicadangkan itu akan menyiasat semua kes kezaliman

polis yang dikatakan berlaku itu kerana Jabatan Polis “telah diresapi politik dengan sewenang-wenangnya dan tidak berupaya menyiasat jabatannya sendiri secara adil dan saksama,” kata laporan itu.

Butir-butir Ciri Kedua



Dengan menegaskan terdapatnya kes penganiayaan terhadap rakyat yang dikatakan berlaku itu, ahli-ahli suruhanjaya itu menggesa supaya semua pegawai polis dikehendaki menjalani latihan khas tentang perhubungan awam.

Butir-butir Ciri Ketiga



“Polis tidak diberi apa-apa kursus tentang perhubungan awam semasa menjalani latihan mereka dan sudah tentu mereka itu tidak mendapat sebarang latihan sedemikian selepas dihantar bertugas,” kata laporan itu.

“Biro Keselamatan Hal ehwal Dalam Jabatan itu belum mengesyorkan apa-apa tindakan tatatertib terhadap seorang pun pegawai polis walaupun lebih daripada 30 orang dalam masa 18 bulan yang lalu telah

menuduh bahawa mereka telah dipukul atau dianiaya oleh pegawai-pegawai polis

semasa mereka disoal siasat atau semasa ditangkap.

“Dalam dua kes yang pegawai-pegawai polis didapati bersalah di mahkamah kerana melakukan serangan, Jabatan Polis masih tidak mengambil apa-apa tindakan tatatertib,” kata laporan itu.

Butir-butir Ciri Pertama



Dalam mengesyorkan penubuhan sebuah Lembaga Siasatan Awam, laporan itu mengesyorkan supaya ahli-ahlinya dilantik oleh Datuk Bandar dan disahkan oleh Majlis Bandar raya. Seorang ahli akan mewakili setiap daerah majlis Bandar raya dan berkhidmat selama tiga tahun.

Semua
Lain
Cerita



Perenggan
dalam
Lengkap

(Sebarang perenggan tambahan akan memberikan butir-butir selanjutnya pada ciri-ciri yang diringkaskan dalam pendulu, dengan mempersempahkan butir-butir itu mengikut urutan logik).

Untuk mengelakkan kebosanan, penulis berita boleh menggunakan petikan langsung atau petikan tidak langsung yang sesuai dalam badan berita. Petikan langsung yang dijalin bersama-sama dengan petikan tidak langsung dan pernyataan ringkasan berita dapat menghidupkan sesebuah berita. Bagaimanapun, petikan langsung tidak seharusnya terlalu panjang kerana petikan yang terlalu panjang menyebabkan timbulnya kebosanan juga sebagaimana berita tanpa petikan. Disamping petikan, penulisan badan berita dapat dibantu kelancarannya dengan menggunakan unsur peralihan sama ada berbentuk kata hubung maupun frasa. Dalam disiplin linguistik unsur peralihan ini disebut penanda wacana. Contoh unsur peralihan berbentuk kata adalah *seterusnya*, *sebaliknya*, *selanjutnya*, *namun* dan sebagainya. Contoh unsur peralihan yang berbentuk frasa pula adalah *sementara itu*, *walaupun bagaimanapun*, *dalam pada itu* dan sebagainya.

Dari sudut pemerengganan badan berita pula, bentuk perenggan yang menandai wacana berita ialah perenggan-perenggan yang pendek berbanding dengan perenggan dalam wacana jenis yang lain. Setiap perenggan hanya mempunyai satu ayat tajuk (*topic sentence*) yang bererti satu perenggan hanya terdiri daripada satu maklumat sahaja. Bahkan menjadi kelaziman dalam penulisan berita bahawa beberapa perenggan mengembangkan sesuatu maklumat. Perenggan-perenggan pendek yang terkandung dalam wacana berita disebut *perenggan blok*. Untuk memastikan keberhasilan penulisan perenggan blok, penulis berita hendaklah pandai menyisihkan butir-butir yang remeh daripada butir-butir yang dapat melengkapkan maklumat berita.

3.5.3 Teknik Penulisan Pelbagai Jenis Berita

Kebanyakan sarjana kewartawanan membahagi berita kepada jenis-jenis tertentu berdasarkan subjek atau bidang yang dilaporkan seperti jenayah, politik, agama, sukan dan sebagainya (lihat, misalnya Itule dan Anderson, 2000; Rich, 1994). Harriss et al. (1989) membuat pembahagian yang lebih tuntas, iaitu dengan membahagi jenis-jenis berita kepada kategori berita umum, berita mudah, berita kompleks dan berita khusus.

Berita umum dibahagikan kepada :

- (i) berita peribadi, berita ringkas dan berita penyendal;
- (ii) berita ucapan, penerbitan dan wawancara;
- (iii) berita perjumpaan dan peristiwa khas.

Selanjutnya, berita mudah dibahaginya pula kepada :

- (i) berita keuzuran, kematian dan pengebumian;
- (ii) berita kebakaran dan kemalangan;
- (iii) berita musim dan cuaca;
- (iv) berita jenayah.

Berita kompleks dipecahkan kepada :

- (i) berita mahkamah, perbicaraan dan guaman;
- (ii) berita tentang kerajaan dan politik;
- (iii) berita perniagaan, perusahaan, pertanian dan perburuhan;
- (iv) berita pendidikan, penyelidikan dan sains;
- (v) berita keagamaan, kedermawanan dan promosi.

Akhirnya, berita khusus terpecah kepada :

- (i) berita keluarga, kehidupan dan gaya hidup;

- (ii) berita sukan;
- (iii) berita hiburan, kesusasteraan, seni halus dan kritikan;
- (iv) berita lidah pengarang dan kolumnis.

Bagi setiap jenis berita dalam empat kategori utama itu terdapat unsur dan gaya penulisan kewartawanan yang mencirikan jenis berita tertentu itu.

3.5.3.1 Berita Umum

(i) Berita Peribadi, Berita Ringkas dan Berita Penyendal.

Berita peribadi menekankan personaliti tertentu yang bertujuan untuk membekalkan maklumat tentang aktiviti pelbagai lapisan masyarakat. Tarafnya jika dibandingkan dengan berita-berita lain pada hari yang sama, secara relatif mempunyai nilai berita yang lebih rendah. Lazimnya berita ini digunakan untuk memudahkan reka letak (*make-up*) akhbar dengan mengisi ruang-ruang kecil yang berbaki selepas cerita-cerita panjang disusun. Kandungannya boleh jadi salah satu atau segala aspek kehidupan yang menarik seperti gosip, kelahiran, kematian, konflik dan sebagainya. Peribadi yang mengisi jenis berita ini tidak semestinya daripada kalangan orang yang ternama sahaja bahkan boleh tentang sesiapa yang menimbulkan minat khalayak.

Dari segi pengolahannya, berita ini perlu mempunyai pendulu yang sempurna, iaitu meliputi enam unsur utama (5W + 1H). Dalam pengolahan badan berita pula, penulis perlu menyorot ciri yang menarik berkaitan dengan peribadi yang dikemukakan. Bagaimanapun, perlu diletakkan penggunaan ungkapan seperti yang *dikenal ramai, popular*, yang dalam bidang kewartawanan dikenal sebagai *puff*.

Berita ringkas pula lazimnya terdiri daripada satu atau dua perenggan yang berkaitan dengan peristiwa yang mempunyai daya tarik untuk diketahui oleh khalayak. Berita jenis ini dikumpulkan bersama-sama dalam ruangan ringkasan berita atau adakalanya digunakan sebagai berita penyendal (*filler*). Sebagaimana berita peribadi, berita ringkas merupakan berita ciri tunggal.

Akhirnya, berita penyendal ialah maklumat kecil yang sebenarnya tidak semestinya berita dan tujuan utamanya sekadar memenuhi salah satu ruangan kecil.

(ii) **Berita Ucapan, Penerbitan dan Wawancara**

Untuk berita ucapan, tiga unsur yang perlu diberi perhatian ialah penceramah, khalayak dan ucapan. Pertimbangan yang keempat ialah tafsiran yang tepat tentang salah satu unsur tadi atau keseluruhan unsur. Penceramah perlu diperkenalkan dalam pendulu berita. Jika lebih banyak maklumat tentang penceramah yang perlu dikemukakan, bahan tersebut boleh dimasukkan dalam badan berita. Unsur khalayak pula berkaitan dengan jumlah, kategori atau kelompok dan sebab kehadiran mereka. Unsur yang ketiga, iaitu ucapan sebenarnya merupakan unsur yang terpenting kerana berkaitan dengan sebab berita itu ditulis.

Berita tentang penerbitan ialah berita yang didasarkan pada bentuk atau hasil penulisan tertentu seperti makalah daripada buku yang mengetengahkan perihal peribadi, peristiwa atau hal ehwal yang menarik. Bagaimanapun, berita ini tidak sama dengan ulasan buku atau kritikan yang merupakan satu bentuk penilaian. Berita tentang penerbitan sama polanya dengan berita ucapan dengan penulis bahan penerbitan itu mengambil tempat orang yang memberikan ucapan.

Akhirnya, wawancara merupakan satu lagi jenis berita umum. Berita wawancara terhasil daripada usaha mengetengahkan peribadi atau peristiwa tertentu. Jenis yang pertama dikenal sebagai wawancara peribadi, manakala yang kedua dikenal sebagai wawancara fakta. Pendulu berita jenis ini hendaklah mengemukakan unsur terpenting menjadi asas sebab berita itu ditulis. Bahan berita pula mengembangkan fokus yang disebut pendulu.

(iii) Berita Perjumpaan dan Peristiwa Khas

Oleh sebab terlalu banyak perjumpaan dan peristiwa khas yang berlaku setiap hari, wartawan perlu mengutamakan perjumpaan yang paling bernilai berita. Lazimnya, perjumpaan yang tinggi nilai beritanya ialah:

- perjumpaan yang dihadiri oleh jumlah yang besar;
- perjumpaan yang mempunyai program penting atau penceramah terkemuka.

Dalam penulisan berita perjumpaan, maklumat yang bersifat asas seperti jumlah orang yang hadir atau tentang apa perjumpaan itu tidak akan dapat menghidupkan berita. Khalayak pembaca tidak tertarik oleh maklumat sedemikian. Oleh itu, penulis berita atau wartawan perlu mencari sudut cerita yang menarik daripada perjumpaan itu. Pernyataan bahasa seperti yang berikut dianggap tidak menepati penulisan berita perjumpaan yang kuat :

“Suatu perjumpaan ibu bapa pelajar Sekolah Menengah Rendah Jefferson akan diadakan di....”

“Ahli-ahli Kelab Wanita Republikan akan diraikan....”

“Pada jam 7.30 malam hari Rabu Auditorium Sekolah Tinggi West akan menjadi syurga tropika kepada ahli-ahli....”

“Auditorium Sekolah Webb akan menjadi tempat....”

(Harriss, et al., 1989:359)

Dalam badan beritanya, penulis tidak sepatutnya membuat sebarang komen tentang program itu seperti :

“Satu ceramah yang ulung akan diberikan oleh”

“Satu persembahan bangsawan yang menggetarkan jiwa”

(Harriss, et al., 1989:359)

Demikian juga seruan seperti *“Orang ramai dipersilakan hadir”* perlu dielekkan dan digantikan dengan cara pemberitahuan seperti *“Perjumpaan itu dibuka kepada orang ramai”*.

3.5.3.2 Berita Mudah

(i) Berita Keuzuran, Kematian dan Pengebumian

Penulisan berita takziah sering dijadikan ujian kepada pemberita baru. Ketepatan dan pengolahan yang mengesankan keluarga atau kerabat menentukan prestasi awal pemberita (Harriss, et al., 1989:371–372). Berita takziah yang meliputi keuzuran, kematian dan pengebumian bernilai berita oleh sebab kesemuanya itu tergolong dalam kumpulan bencana pengalaman manusia. Berita itu merupakan gangguan kepada *status quo* dan memberikan kesan kepada sesuatu kelompok manusia, baik daripada segi ekonomi, sosial, politik maupun yang lain.

Pendulu berita jenis ini perlu mengetengahkan aspek *siapa*, sementara badan beritanya memperincikan hal-hal yang berkaitan. Untuk berita keuzuran, unsur yang perlu ada ialah:

1. nama dan pengenalan;
2. sebab keuzuran;
3. keadaan (serius, tenat dan sebagainya dengan petikan daripada sumber seperti doktor);
4. nama hospital (atau tempat);
5. lamanya uzur;
6. anggota keluarga yang ada di sisinya;
7. kesan keuzuran (kepada organisasi dan sebagainya).

Untuk berita kematian, maklumat yang perlu ditampilkan meliputi:

1. nama dan pengenalan (alamat; pekerjaan dan keanggotaan);
2. umur;
3. hari dan waktu kematian;
4. tempat kematian;
5. sebab kematian;
6. lamanya uzur;
7. ahli keluarga yang terdekat;
8. kesan kematian ke atas jawatan awam (jika berkaitan).

Daripada maklumat itu perlu dicari sudut tertentu tentang perwatakan, peribadi, jasa dan lain-lain untuk dijadikan berita yang bernilai, khususnya bagi si mati yang ternama.

Berita pengebumian pula ialah susulan berita kematian. Sebagai berita susulan, ringkasan tentang cerita yang terdahulu perlu dimasukkan, tetapi pendulunya mesti menonjolkan upacara pengebumian. Maklumat yang perlu ada meliputi :

1. masa;
2. tempat;
3. sama ada terbuka atau persendirian;
4. tempat pengebumian;
5. siapa yang memimpin upacara;
6. penziarah.

(ii) Berita Kebakaran dan Kemalangan

Berita kebakaran dan kemalangan merupakan dua lagi jenis berita mudah. Fakta dapat diperoleh daripada sumber rasmi seperti jabatan bomba, polis, hospital dan sebagainya. Penyajian berita jenis ini mungkin saja menjadi rutin dan membosankan jika disampaikan hanya sebagai himpunan fakta. Wartawan atau penulis berita hendaklah dapat menonjolkan sesuatu aspek yang menarik perhatian khalayak, misalnya kecuaian yang menjadi punca kejadian atau kesan kejadian daripada sudut kemanusiaan. Penonjolan sudut yang menarik dapat dihasilkan daripada ketelitian wartawan membuat pemerhatian dan temu bual dengan saksi-saksi kejadian.

Fakta yang perlu terangkum dalam berita kebakaran dan kemalangan meliputi :

1. kecederaan / kematian
 - nama dan pengenalan;
 - cara tercedera / terbunuh;
 - sifat kecederaan;
 - perwatakan orang yang tercedera / si mati.
2. kerugian
 - kerosakan harta benda;
 - keperihalan harta benda;
 - pemilik harta benda;
 - insurans.

3. keperihalan
 - sebab;
 - waktu dan tempoh;
 - kejadian secara kronologis;
 - usaha penyelamatan;
4. yang terselamat.
5. tindakan undang-undang
 - penyiasatan;
 - penahanan;
 - guaman.
6. episod sampingan yang menarik.

(iii) **Berita Musiman dan Cuaca**

Berita lain yang termasuk dalam jenis berita mudah ialah berita musiman dan cuaca.

Berita musiman ialah berita tentang peristiwa yang berulang seperti hari kebesaran, hari ulang tahun, hari percutian dan sebagainya. Nilai berita jenis ini terletak pada ketrampilan penulis mengolah peristiwa rutin itu menjadi berita yang menarik. Antara fakta yang perlu ditonjolkan termasuklah :

1. latar belakang;
 - jenis sambutan (kenegaraan, keagamaan dan lain-lain)
2. cara sambutan;
3. kesan sambutan.

Berita cuaca pula merupakan berita harian. Berita ini menjadi berita utama jika :

1. cuaca itu mengakibatkan bencana seperti banjir, ribut, kemarau dan sebagainya;
2. berlaku perubahan cuaca yang mendadak seperti hujan lebat;
3. apabila wujud rekod cuaca yang baru atau yang menghampiri rekod yang lama seperti kadar suhu dan hujan yang turun dalam sebulan atau setahun;
4. cuaca itu menyebabkan peristiwa yang ditangguhkan seperti acara sukan dan kesan kepada ekonomi seperti banjir yang merosakkan tanaman utama.

Kandungan berita cuaca meliputi :

1. statistik (suhu, hujan, kelembapan, halaju angin, paras banjir dan sebagainya);
2. amaran ramalan cuaca;
3. kecederaan/kematian (punca, sifat dan perwatakan orang yang terlibat);
4. kerugian dan kerosakan;
5. bantuan;
6. yang terselamat;
7. tindakan undang-undang

(iv) Berita Jenayah

Berita jenayah ialah berita lain yang tergolong dalam jenis berita mudah. Kandungan berita jenayah dapat diringkaskan seperti yang berikut:

1. kecederaan/kematian
 - nama dan pengenalan orang;
 - bagaimana berlaku;
 - sifat kecederaan/kematian;
 - perwatakan orang yang tercedera/terbunuh.
2. kerugian
 - nilai, harta benda yang dicuri atau termusnah;
 - keperihalan harta benda;
 - pemilik;
 - insurans;
 - harta benda lain yang terancam.
3. keperihalan
 - keterangan mengikut kronologi;
 - keperihalan tentang orang yang terlibat;
4. yang terselamat
 - kerja penyelamatan;
 - pengalaman mereka yang terselamat.
5. tindakan undang-undang
 - penyiasatan, petunjuk, keterangan;
 - tangkapan.

Panjang pendeknya sesuatu berita jenayah ditentukan oleh berat ringannya jenayah itu. Faktor lain ialah taraf orang yang terlibat, tempat jenayah itu berlaku, unsur-unsur yang luar biasa dan kejadian menarik.

3.5.3.3 Berita Kompleks

(i) Berita Mahkamah, Perbicaraan dan Guaman

Tidak ada sebarang bentuk berita yang khusus bagi perbicaraan dan guaman. Prinsip-prinsip umum bagi penulisan berita yang baik boleh diterapkan. Pendulu bagi perbicaraan tipikal boleh jadi berupa ringkasan peristiwa perbicaraan atau sesuatu ciri tertentu seperti testimoni atau pengakuan. Badan berita pula mengembangkan pendulu tersebut sama seperti dalam jenis-jenis berita yang lain. Bagaimanapun, bagi perbicaraan yang sedang berlangsung *rujukan kembali* tentang kes hendaklah dimasukkan ke dalam perenggan kedua jika rujukan kembali itu tidak disebut dalam perenggan pendulu. Petikan langsung, petikan tidak langsung dan ringkasan tafsiran boleh diselangselikan mengikut urutan kronologi. Petikan hujah permulaan dan penutupan oleh para peguam dan pendapat para hakim dilaporkan sama dengan laporan bentuk ucapan.

Walaupun berita perbicaraan di mahkamah dilaporkan sebagai cerita benar, penafsiran mungkin diperlukan untuk memperjelas pentingnya fakta-fakta dan prosedur-prosedur yang terlibat dalam perbicaraan. Antara asas untuk membuat penafsiran termasuklah memahami organisasi mahkamah, latar belakang fakta dan perkara yang berkaitan dengan perbicaraan seperti saksi, kategori, kes (berkaitan dengan jenis jenayah dan sebagainya) dan kes-kes yang serupa atau hampir serupa sebelumnya. Selain itu, perlu difahami pelbagai istilah dan prosedur undang-undang.

(ii) Berita tentang Kerajaan dan Politik

Kerajaan merupakan sumber bagi hampir semua jenis berita, baik tentang ekonomi, sosial, undang-undang dan sebagainya. Pada pihak pemerintah pula berita merupakan kuasa asasi dalam perjuangan untuk melaksanakan dan mengekalkan pemerintahan. Sebagaimana kata James Madison pada lewat tahun 1700-an (dalam Julian Harriss et al., 1989:643) kerajaan yang popular tanpa maklumat yang popular atau tanpa alat-alat untuk memperolehnya hanya merupakan satu prolog kepada sandiwara atau tragedi atau mungkin kedua-duanya.

Salah satu fungsi akhbar adalah memberikan maklumat kepada rakyat tentang semua hal-ehwal kerajaan. Tanpa pemberitaan yang lengkap orang ramai tidak dapat memilih wakil rakyat atau kerajaan dengan betul. Sebaliknya pula, akhbar memberikan maklumat yang penting kepada para pemimpin negara. Banyak tindakan dan keputusan yang diambil oleh pemerintah sebagai susulan berita yang disiarkan oleh akhbar.

Antara berita khusus yang berkaitan dengan kerajaan dan politik termasuklah :

1. berita perundang-undangan;
2. berita eksekutif;
3. berita kehakiman;
4. berita fiskal (hasil dan perbelanjaan);
5. berita rekod awam dan syarat;
6. berita pilihan raya.

(iii) Berita Perniagaan, Perusahaan, Pertanian dan Perburuhan

Oleh sebab terlalu banyak berita yang berkaitan dengan sektor perniagaan, perusahaan, pertanian dan perburuhan, pemberita perlu memastikan jenis berita yang hendak ditulis, iaitu sama ada sebagai pertemuan, ucapan, wawancara, penerbitan, perbicaraan,

mahupun jenayah, kemalangan, kebakaran dan sebagainya. Kesemuanya mempengaruhi ekonomi sesuatu masyarakat dan oleh itu memerlukan penafsiran berbentuk ekonomi.

Antara jenis berita yang terangkum dalam jenis berita ini termasuklah :

1. pasaran (saham dan bon, ternakan dan komoditi);
2. hartanah (pemindahan rutin, tambahan baru, jualan besar-besaran, pemberian dan pembesaran bangunan dan permit bangunan yang dikeluarkan);
3. galakan dagang (runcit dan borong, perbadanan dan perkongsian baru, pergabungan, kebangkrapan, harga, kos hidup);
4. perusahaan (perusahaan baru, keluaran baru, proses atau kaedah pengeluaran baru, pengembangan, terbitan bon, pergabungan);
5. penggabungan (perubahan jadual, hak laluan, mesyuarat lembaga, saham dan bon, gantian, kadar bayaran);
6. perburuhan (upah dan masa, pengangguran, mogok, penutupan kilang, bantuan, dasar);
7. perniagaan dan kerajaan (cukai, tindakan undang-undang, keputusan mahkamah yang mempengaruhi perniagaan, peraturan dan penguatkuasaan);
8. pertanian (tanaman, jualan, kemarau, kaedah baru, perlادangan, peraturan kerajaan, kepelbagaian baru).

Berita jenis ini perlu disampaikan dengan bahasa yang dapat difahami oleh khalayak ramai oleh sebab bidang perniagaan, perusahaan, pertanian dan perburuhan mempunyai bahasa atau jargonnya sendiri. Statistik merupakan bahasa biasa yang sering digunakan dalam berita perniagaan daripada perusahaan. Pemberita hendaklah pandai mempermudah penyampaian statistik tanpa mengubah statistik yang asal.

Sebagai contoh ungkapan seperti “*sejumlah 60,000 daripada 150,000 penduduk memiliki kereta...*” lebih mudah difahami khalayak dengan ungkapan seperti “*dua daripada setiap lima orang penduduk memiliki kereta...*” Selain itu istilah-istilah ekonomi memerlukan takrif yang mudah atau analisis yang dapat memberikan penjelasan sesuatu konsep.

(iv) Berita Pendidikan, Penyelidikan dan Sains

Dengan berkembangnya pendidikan sebagai sektor penting dalam masyarakat yang bertamadun, isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan semakin banyak. Isu-isu itu bukan sahaja relevan malahan mempunyai implikasi penting pada kehidupan individu dan masyarakat. Media massa kini menjadikan isu yang berkaitan dengan pendidikan sebagai sumber berita yang penting. Antara isu yang berkorelasi dengan kestabilan masyarakat termasuklah jenayah remaja, tanggungjawab guru, kemudahan dan infrastruktur, yuran yang membebankan, kurikulum, pengurusan, pencapaian atau prestasi dan pelbagai lagi. Demikian pentingnya pendidikan sebagai sumber berita menyebabkan ada akhbar yang menyajikan ruangan atau halaman khas tentang pendidikan. Akhbar *Berita Harian* yang menjadi fokus kajian ini ialah antara akhbar yang mempunyai halaman khas tentang pendidikan.

Berita rutin pendidikan dapat dirumuskan atau dikategorikan sebagai yang berikut:

1. tarikh berjadual - pembukaan, penutupan dan percutian;
2. pendaftaran - statistik, perbandingan dan arah aliran;
3. penghormatan – penghargaan;
4. perubahan kurikulum – penambahan dan pengugguran;
5. konvokesyen – ucapan, penerima dan majlis;

6. perubahan pegawai dan kakitangan – pelantikan; peletakan jawatan dan persaraan.
7. mesyuarat – dasar, belanjawan dan pembangunan;
8. aktiviti pertubuhan – persatuan pendidikan, PIBG, alumni dan kumpulan pendesak.

Dari segi bentuknya, berita pendidikan meliputi berita ringkasan satu ciri hingga laporan pelbagai ciri.

Perkembangan ilmu dan sains menyebabkan meningkatnya dan meluasnya projek penyelidikan dan penemuan sains. Semua ini menjadi sumber berita yang menarik dan penting kerana dapat mengemukakan maklumat baru kepada masyarakat. Akhbar atau media massa berperanan besar memasyarakatkan hasil penyelidikan dan penemuan daripada laras bahasa yang cukup teknis kepada bahasa yang dapat difahami oleh masyarakat umum.

Dalam memaparkan berita penyelidikan dan sains, pemberita perlu memahami perbezaan antara penyelidikan asas dan penyelidikan praktis. Penyelidikan praktis lebih langsung sifatnya dan dengan demikian lebih mudah diolah dalam pemberitaan. Penyelidikan praktis berkaitan dengan penerapan prinsip-prinsip sains tertentu untuk menimbulkan kegunaan kepada masyarakat. Penyelidikan asas pula lebih bersifat teoritis dan oleh itu lebih sukar dilaporkan.

(v) Keagamaan, Kedermawanan dan Promosi

Agama dan masyarakat yang berpegang kepada konsep ketuhanan dan pentingnya kehidupan kerohanian sebagai pelengkap kehidupan keduniaan menjadi salah satu bagi sumber berita. Dalam konteks ini, media massa yang memahami agama sebagai acuan

segala aspek kehidupan akan memberikan liputan yang lebih menyeluruh dan luas cakupannya, berbanding dengan pengendali akhbar yang menganggap agama sebagai hanya soal kehidupan peribadi dan sesuatu yang bersifat ritual semata-mata.

Dalam konteks agama yang difahami sebagai sesuatu yang berkaitan dengan keseluruhan kehidupan, liputan beritanya boleh sahaja menyentuh hubungan agama dengan politik, ekonomi, pendidikan, sosial, alam sekitar, sains dan pelbagai lagi. Dengan demikian, berita keagamaan tidaklah terhad pada pemaparan berita tentang aspek ritual agama semata-mata seperti sambutan memperingati hari-hari keagamaan dan peristiwa amal ibadah. Kedermawanan dan promosi pula merupakan dua aspek yang berkaitan rapat dengan keagamaan. Kedermawanan berkaitan dengan perihal keadilan sosial, sementara promosi merujuk kepada usaha memberikan publisiti kepada kegiatan-kegiatan yang memberikan kesejahteraan, keadilan, keamanan, persaudaraan, dan nilai-nilai murni yang lain

3.5.3.4 Berita Khusus

(i) Berita Keluarga dan Kehidupan

Berita keluarga dan kehidupan boleh berupa berita yang terbit dalam ruangan berita yang biasa, sebagaimana berita bidang lain yang tidak dibincangkan sebelum ini. Tetapi ada akhbar yang menyediakan ruangan khas untuk berita keluarga dan kehidupan, dengan editor atau pengarang khas bagi ruangan itu.

Antara berita sosial yang khas termasuklah berita pertunangan dan perkahwinan. Nilai beritanya bergantung pada tingkat pentingnya individu atau pihak yang menjadi sumber berita. Di Barat, pertunangan dan perkahwinan merupakan fenomena sosial

yang berkaitan dengan ekonomi kerana kedua-dua majlis itu telah menjadi asas perniagaan.

Jenis berita sosial lain yang berkaitan dengan keluarga dan kehidupan meliputi :

1. cerita peribadi seseorang, lazimnya peribadi yang mempunyai taraf atau nama dalam masyarakat (pemimpin, artis, sarjana dan sebagainya);
2. kelahiran;
3. hiburan (majlis keraian, jamuan ringan, parti, pesta dan sebagainya);
4. kelab dan pertubuhan (pertemuan, ucapan dan aktiviti seperti kegiatan amal);
5. fesyen, resipi, hiasan dalaman, persolekan dan sebagainya;
6. cerita tentang wanita dalam dunia kerjaya, perniagaan dan sebagainya.

Agak sukar membuat garis pemisahan berita keluarga dan kehidupan daripada berita lain kerana aspek politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain kerap dilaporkan juga.

Kesulitan dalam menyajikan berita sosial sering timbul kerana peristiwa yang kebanyakannya stereotaip, seperti yang tersenarai di atas. Majlis perkahwinan, misalnya, adalah sesuatu yang rutin dan lebih kurang sama bentuknya sehingga wartawan perlu bijak mencari sudut tertentu yang menarik dan memberikan kelainan laporan. Oleh itu, penulis berita perlu memastikan ciri pendulu yang dianggap terpenting dalam peristiwa yang hendak dilaporkan.

Antara ciri pendulu yang dapat ditimbangkan termasuklah:

1. adakah majlis atau peristiwa itu biasa atau ada signifikannya, misalnya majlis ulang tahun perkahwinan ke-100;
2. tempat berlangsungnya peristiwa itu mungkin dapat menjadi ciri pendulu yang menarik, seperti rumah pesaka, makam dan sebagainya;
3. orang yang hadir mungkin juga dapat dijadikan penentuan ciri yang menarik;

4. hiasan dan latar peristiwa seperti pakaian, warna, reka bentuk dan sebagainya boleh dijadikan asas ciri;
5. bentuk hiburan tertentu, seperti muzik tradisional mungkin dapat ditimbangkan sebagai ciri.

Sebagaimana penentuan ciri pendulu begitu penting dalam pengolahan berita keluarga dan kehidupan, pengolahan badan beritanya pun demikian juga. Pemerian yang stereotaip perlu dielakkan. Huraian ciri pendulu yang baik dapat membantu penghasilan berita sosial yang menarik.

(ii) Berita Sukan

Berita sukan adakah diletakkan di halaman biasa, termasuk di halaman hadapan jika berita itu bernilai berita yang tinggi. Bagaimanapun, lazimnya akhbar menyediakan halaman atau ruangan khas untuk berita sukan. Dengan demikian, liputan beritanya lebih luas dan khusus dan dapat menjadi daya tarik kepada khalayak untuk membaca atau memiliki akhbar. Besarnya perhatian yang diberikan kepada berita sukan menyebabkan lazimnya akhbar memiliki unit dan wartawan khas untuk bidang tersebut.

Penulisan berita sukan memerlukan beberapa prasyarat asas, seperti pengetahuan tentang jenis-jenis sukan, peraturan yang terlibat bagi jenis-jenis sukan itu, lembaga atau persatuan yang berkaitan, tokoh pemimpin badan sukan dan tokoh sukan itu sendiri. Yang terpenting daripada semua itu ialah minat wartawan yang bertugas dalam seksyen sukan itu.

Dari segi gaya penulisan, penulis berita sukan hendaklah dapat menampilkan kebijaksanaan, kesungguhan dan keberanian. Penulis yang baik dapat memberikan citra tertentu kepada jenis sukan tertentu, khususnya dengan gaya penonjolan kehebatan

sukan atau tokohnya. Alat yang sering digunakan ialah gaya bahasa yang lincah, merangsang dan kadang kala sedikit bombastik dan ciri-ciri tersebut membezakan gaya penulisan berita sukan daripada gaya penulisan berita bidang lain. Bagaimanapun, penulis berita sukan tetap terikat oleh etika kewartawanan yang asas, iaitu melaporkan apa-apa yang berlaku secara objektif bukan mempengaruhi khalayak mempercayai sesuatu yang tidak berlaku atau yang kurang tepat.

Antara ciri yang dapat dimasukkan dalam pendulu berita sukan termasuklah :

1. mata atau keputusan perlawanan;
2. permainan yang menarik;
3. urutan peristiwa dalam permainan atau perlawanan;
4. pemain yang menonjol;
5. mutu permainan, khususnya berkaitan dengan rekod terbaik;
6. perbandingan antara pasukan;
7. latar belakang permainan seperti cuaca, penonton, acara yang berkaitan dan sebagainya.

Dalam bahagian tubuh berita pula, dua unsur yang lazimnya perlu ada ialah tafsiran am dan perjalanan permainan. Tafsiran am memberikan gambaran tentang permainan atau perlawanan, seperti yang berkaitan dengan jenis kejohanan, peringkat dan acara yang bersangkutan dengannya. Perjalanan cerita atau permainan merupakan pengembangan kronologi peristiwa sukan yang dilaporkan.

(iii) Berita Hiburan, Kesusasteraan, Kesenian dan Kritikan

Antara subjek yang menjadi sumber berita hiburan, kesusasteraan, dan seni halus termasuklah :

1. buku dan rencana;
2. pertunjukan drama;

3. konsert dan pertunjukan muzik lain (klasik dan popular);
4. rakaman;
5. filem;
6. rancangan radio dan televisyen;
7. syarahan;
8. kesenian (seni halus, seni ukir dan lain-lain);
9. seni bina;
10. tarian profesional;
11. fotografi;
12. pertunjukan di kelab-kelab.

Penulisan berita hiburan, kesusasteraan dan seni halus bukan sekadar penghuraian maklumat yang berkaitan dengan bidang-bidang itu semata-mata, bahkan perlu dapat membantu pembaca menikmati, memahami dan menghargainya. Penulisan berita bidang-bidang tersebut sekali gus berupa ulasan dan kritikan. Bagaimanapun, ulasan dan kritikan itu bukanlah ulasan dan kritikan yang teknis melainkan kupasan yang mudah difahami oleh khalayak. Gaya bahasanya bukan seperti dalam ulasan dan kritikan ilmiah tetapi dalam gaya kewartawanan. Antara asas-asas ulasan dan kritikan yang memenuhi ciri-ciri penulisan kewartawanan termasuklah :

1. Pemerian gambaran am sebelum perbincangan tentang butir-butir yang terperinci;
2. Antara aspek perkara am yang perlu diberikan perhatian termasuklah bentuk hasil atau persembahan;
3. Ulasan hendaklah diasaskan pada tujuan dan genre sesuatu karya atau persembahan, misalnya drama moden tidak seharusnya dibandingkan dengan drama klasik seperti bangsawan. Demikian juga pertunjukan amatur tidak sewajarnya dikupas mengikut standard profesional;

4. Kandungan buku atau persembahan hendaklah diringkaskan secara berpada dan tidak sampai memaparkan plot atau urutan kandungannya;
5. Ulasan hendaklah menarik dan tidak bersifat teknis;
6. Bahasa yang digunakan hendaklah bahasa yang difahami oleh khalayak umum dan mengelakkan penggunaan jargon serta istilah yang terlalu khusus seperti yang biasa digunakan dalam bidang kritikan sastera;
7. Penonjolan perlu dilakukan untuk menunjukkan kebermaknaan karya hasil seni atau persembahan, iaitu dari segi mutu, implikasi sosial atau ekonomi dan peningkatan budaya;
8. Ulasan positif dan negatif hendaklah berasaskan hujah dan alasan yang munasabah supaya dapat mempertahankan keadilan dan keobjektifan;
9. Ulasan dan kritikan hendaklah dalam lingkungan yang dibolehkan oleh etika dan undang-undang. Unsur-unsur fitnah, penghinaan dan penciplakan tidak dibolehkan;
10. Ulasan dan kritikan ditujukan lebih kepada khalayak dan bukan kepada karyawan

(iv) Lidah Pengarang dan Kolumn

Ruangan lidah pengarang dapat dianggap mewakili dasar sesebuah akhbar. Oeh sebab itu penulisannya perlu direncanakan dan diolah dengan serapi mungkin supaya dapat menunjang dasar penerbitan dan pegangan malah kadang kala ideologi pemilik akhbar itu. Lazimnya lidah pengarang mengupas isu semasa yang dianggap utama sama ada yang berkaitan dengan isu-isu setempat mahupun serantau dan antarabangsa. Perkara yang perlu difahami oleh penulis lidah pengarang ialah :

1. sifat lidah pengarang - Lidah pengarang merupakan ulasan tentang peristiwa semasa, iaitu isu, masalah dan implikasi serta penilaian tentang peristiwa, bukan huraian tentang peristiwa itu sendiri;

2. nilai lidah pengarang – Lidah pengarang amat bernilai kepada akhbar kerana fungsinya dalam pernyataan dasar dan kepercayaan tentang sesuatu peristiwa. Sikap dan pendirian yang dinyatakan mungkin dapat mengubah keadaan politik, sosial, ekonomi dan lain-lain;
3. jenis lidah pengarang - Terdapat tiga jenis utama lidah pengarang. Yang pertama ialah yang membuat tafsiran tentang peristiwa dan dengan demikian menambah dimensi pengetahuan dan pemahaman pembaca tentang sesuatu isu. Jenis yang kedua ialah yang menyatakan syor berkaitan dengan isu yang dibincangkan. Yang ketiga pula tuntutan kepada pihak-pihak rasmi berkaitan dengan isu atau peristiwa. Lidah pengarang mungkin sahaja menggabungkan ketiga-tiga jenis tersebut. Bagaimanapun, lidah pengarang hendaklah ditulis dengan kepanjangan yang berpada. Ada pakar kewartawanan yang menyarankan panjangnya tidak melebihi seribu perkataan;
4. kandungan lidah pengarang - Umumnya terdapat dua bahagian lidah pengarang. Yang pertama kenyataan pengenalan yang menerangkan sesuatu isu atau peristiwa. Yang kedua ialah tafsiran dan penilaian penulis tentang isu atau peristiwa itu. Kedua-dua bahagian itu hendaklah bergabung erat. Penulis mestilah menyusun fakta-faktanya dan hujah-hujahnya pula hendaklah mempunyai logika untuk membolehkan pembaca mengikuti kupasannya. Tajuk dan permukaan yang menarik amat penting dalam penulisan lidah pengarang. Demikian juga perenggan penutup perlu diberi perhatian kerana perenggan ini merupakan peluang terbaik untuk menarik perhatian pembaca kepada cadangan atau pendirian yang hendak dikemukakan oleh pengarang.

Berlainan dengan lidah pengarang, kolumn menampilkan nama penulisnya dan nama penulis inilah yang menarik minat pembaca kerana kolumnis dipilih daripada

kalangan penulis yang mempunyai nama dalam persuratan. Kolumnis sebagaimana juga lidah pengarang membuat kupasan tentang sesuatu isu semasa untuk memberikan scenario yang lebih luas daripada sekadar berita tentang sesuatu isu. Kolumnis perlu mempunyai maklumat yang mendalam tentang isu yang hendak dikupasnya dan di samping itu perlu bijak memilih sudut tertentu yang dapat menggerakkan fikiran, perasaan dan bahkan sentimen pembaca.

3.5.4 Aspek Bahasa dalam Retorik Kewartawanan

3.5.4.1 Prinsip Umum

Akhbar sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bahagian terdahulu merupakan salah satu sarana komunikasi sosial yang merentas pelbagai lapisan anggota masyarakat. Dengan demikian, bahasa yang digunakan dalam penulisan kewartawanan seharusnya bahasa yang dapat difahami oleh sebanyak mungkin anggota masyarakat. Hal ini lebih lagi relevan dengan peranan akhbar sebagai sumber maklumat dan berita yang meluas berbanding dengan media lain.

Keith Waterhouse (dalam Harriss dan Spark, 1997:77-78) merumuskan ciri-ciri bahasa kewartawanan sebagai yang berikut :

1. Gunakan kata yang khusus, bukan yang umum (misalnya *warna merah dan biru*, bukan *warna yang terang*);
2. Gunakan kata yang konkret, bukan yang abstrak (misalnya *hujan dan kabus*, bukannya *cuaca buruk*);
3. Gunakan kata yang biasa;
4. Gunakan pernyataan secara positif, bukan secara nafi (misalnya *miskin*, bukan *tidak kaya*);
5. Jangan menggunakan kata yang emotif dan dramatik;

6. Elakkan kata yang berangkaian untuk menyatakan sesuatu maksud yang mudah;
7. Elakkan kata yang membawa makna yang sama;
8. Elakkan kata yang menunjukkan ketidakpastian seperti *barangkali*, *mungkin*, dan sebagainya;
9. Elakkan kata yang tidak jelas kuantitinya seperti *amat*, *sangat*, *agak*, *terlalu* dan sebagainya;
10. Elakkan penerangan yang berlebihan, khususnya bagi sesuatu yang bersifat mutlak, seperti *ternyata jelas*, *agak mustahil* dan sebagainya;
11. Gunakan ayat yang singkat;
12. Elakkan ayat yang kabur maknanya;
13. Gunakan kata yang betul ejaan dan maknanya;
14. Elakkan kata adjektif yang tidak khusus rujukannya, seperti *maju*, *makmur*, *aman* dan sebagainya.

3.5.4.2 Kepanjangan dan Struktur Ayat

Ayat yang digunakan untuk penulisan kewartawanan hendaklah mudah dan lazimnya singkat. Dalam hal ini perkara yang terpenting ialah kejelasan maklumat perkara yang hendak disampaikan. Sekiranya diperlukan ayat yang agak panjang perkara kejelasan tetap menjadi asasnya. Menurut Baker Woods et al., (1977:42–43) ayat dalam berita terdiri daripada maksimumnya 30 patah kata. Ayat yang melebihi jumlah kata itu akan menjadi kabur maknanya dan terdiri daripada beberapa klausa yang menjadikan ayat itu kompleks.

Dari sudut susunannya ayat untuk penulisan kewartawanan lebih mengutamakan susunan subjek–predikat, iaitu susunan ayat biasa berbanding dengan susunan ayat songsang (susunan predikat–subjek). Susunan sedemikian menjadikan penyampaian

maklumat lebih langsung sifatnya dan memudahkan khalayak memperoleh maklumat. Hubungan subjek-predikat merupakan hubungan logis yang telah dibincangkan oleh ahli falsafah sejak zaman Yunani pada abad ke-5 sebelum Masihi lagi. Dari segi jenis ayat pula, ayat yang amat tinggi kekerapannya ialah ayat penyata. Kecuali dalam petikan, amat kurang atau tiada langsung penggunaan ayat tanya, ayat seru dan ayat perintah.

3.5.4.3 Penggunaan Kata

Penulisan kewartawanan mengutamakan penggunaan kata yang mudah dan langsung untuk memenuhi ciri kejelasan dan untuk mengelakkan kekaburuan. Fakta yang bombastik, umum dan interpretatif, sedapat mungkin dielakkan dan digantikan dengan kata yang khusus, sederhana dan tidak mempunyai tafsiran yang pelbagai. Kata lain yang dielakkan penggunaannya ialah slanga, singkatan, istilah teknikal dan perkataan asing.

Slanga merupakan satu unsur subbudaya bagi sesuatu kumpulan tertentu dalam masyarakat dan oleh sebab itu bukan merupakan bahagian daripada kosa kata umum yang dikuasai oleh khalayak keseluruhannya. Demikian juga singkatan merupakan satu bentuk penulisan dalam bentuk yang tidak formal dan untuk memenuhi keperluan individu. Tidak semua singkatan difahami atau dikuasai oleh khalayak. Sekalipun difahami, bentuk itu adalah bentuk yang tidak formal. Sementara itu, kata atau istilah teknikal lebih merupakan kosa kata yang digunakan dalam laras bahasa ilmiah dan saintifik, bukan untuk laras berita yang khalayaknya jauh lebih luas. Bagaimanapun, istilah yang telah meluas penggunaannya dan perlu digunakan untuk kejelasan maklumat boleh digunakan. Kata-kata asing pula sedapat mungkin dielakkan oleh

sebab khalayak penulisan kewartawanan tidak semuanya terdiri daripada orang yang terdedah kepada bahasa asing.

Di samping itu, penulis kewartawanan perlu berhati-hati dalam penggunaan kata yang bersifat memberikan penilaian atau label seperti kata pejuang, penjenayah, pengganas, fanatik, penyeleweng dan sebagainya. Kata-kata sedemikian jika tidak disertai bukti yang sah akan menimbulkan ciri tidak objektif dalam pemberitaan.

Demikian juga sebagaimana yang telah disentuh dalam 3.4.4.1, kata adjektif yang umum dan tidak merujuk kepada kuantiti atau ukuran atau pernyataan yang dapat diverifikasi sedapat-dapatnya dilakukan dan digantikan dengan kata yang lebih konkret. Sebagai contoh, kata *maju*, *cemerlang*, *baik*, *dahsyat* dan sebagainya merupakan adjektif yang sangat umum. Kata *maju*, misalnya, lebih sesuai digantikan dengan kata atau frasa yang merujuk kepada tahap maju seperti pendapatan perkapita atau peratus sumbangsih industri kepada ekonomi negara. Bagaimanapun, penggunaan adjektif sedemikian boleh digunakan asal sahaja disertai pernyataan atau penjelasan yang dapat diverifikasi.

3.5.4.4 Pemerengganan

Perenggan berita disusun dalam bentuk yang singkat, biasanya terdiri daripada satu hingga empat ayat dan berjumlah tidak melebihi 50 perkataan (Harriss et al., 1989: 71–75). Berbeza daripada perenggan rencana atau tulisan lain, perenggan berita lebih merupakan kumpulan kata dan ayat secara arbitrari, iaitu tidak berdasarkan logika binaan perenggan. Menurut logika binaan perenggan kesatuan perenggan terhasil dengan adanya ayat judul yang disertai maklumat ataupun fakta-fakta sokongan. Logika binaan sedemikian tidak menjadi tuntutan dalam penulisan kewartawanan.

Bagaimanapun, ciri kesatuan dan kepaduan teks berita tidak boleh dikorbankan hanya disebabkan binaan perenggan berita bersifat arbitrari. Maksudnya perenggan-perenggan dalam teks berita hendaklah berisi maklumat yang mengembangkan pendulu berita (untuk menjawab persoalan 5W + 1H). Sifat perenggan yang arbitrari yang sedemikian bertujuan untuk mengelakkan kebosanan dan kekeliruan khalayak dalam memperoleh maklumat secara cepat.

3.5.4.5 Aspek Ejaan dan Tanda Baca

Oleh sebab akhbar menjadi wadah berita secara tertulis maka aspek ejaan dan tanda baca amat perlu dititikberatkan. Sistem ejaan yang digunakan hendaklah berasaskan sistem yang kemas kini dan telah dikodifikasi dan digunakan dalam ranah-ranah yang lain seperti pendidikan, pentadbiran dan sebagainya. Penulis kewartawanan perlu memiliki atau merujuk kepada dokumen sistem ejaan dan tanda baca untuk memastikan ketepatan penggunaannya.

3.6 Kesimpulan

Keseluruhan kandungan bab ini berkaitan dengan latar belakang kajian yang mengemukakan teori-teori dan juga kaedah untuk menganalisis retorik kewartawanan. Pembicaraan teori-teori yang berkaitan dengan kajian ini penting untuk kemudian dimanfaatkan atau diterapkan, menurut kesesuaian sesuatu teori itu dengan tujuan kajian ini. Demikian juga kaedah analisis dibincangkan dalam bab ini sebagai asas bagi huraian dalam bab-bab selanjutnya yang mengemukakan analisis retorik kewartawanan dari aras leksikal atau kata hingga ke aras ayat dan wacana.

Dalam bab ini, pengkaji telah memulakan perbincangan dengan teori yang memperlihatkan retorik kewartawanan dalam konteks institusi sosial, iaitu bagaimana dunia kewartawanan berfungsi sebagai agen yang membantu membentuk sesuatu masyarakat, sama ada dalam bentuk sistem pemerintahan, pembentukan pendapat umum mahupun yang lain. Hubungan dan peranan kewartawanan dengan sistem sosial dirumuskan oleh de Fleur dan Ball-Rokeach (1992) dalam bentuk hubungan timbal balik antara media dengan masyarakat, khalayak dan kesan (Rajah 3.1). Selain itu, dikemukakan hakikat perbezaan falsafah yang menjadi pegangan masyarakat sebagaimana yang tercermin pada perbezaan bentuk dan corak kewartawanan masyarakat berkenaan. Sehubungan dengan itu, dibincangkan empat teori akhbar yang dikemukakan oleh Siebert, Peterson dan Schramm (1987), iaitu Teori Autoriter, Teori Libertarian, Teori Tanggungjawab Sosial dan Teori Komunis Soviet.

Bahagian selanjutnya dalam bab ini membincangkan teori yang mengaitkan penulisan kewartawanan dengan analisis wacana . Dalam bahagian tersebut diuraikan hasil retorik kewartawanan sebagai satu binaan wacana dan teori-teori wacana yang relevan. Seterusnya, dibincangkan aspek yang paling rapat kaitan dengan kajian ini, iaitu retorik sebagai asas penggunaan bahasa yang berkesan. Dibincangkan perkembangan ringkas teori retorik dari zaman ke zaman yang kemudian dihubungkan dengan retorik penulisan kewartawanan. Dalam bahagian ini dibincangkan sekali gus prinsip-prinsip retorik penulisan kewartawanan yang menjadi asas analisis bab-bab selanjutnya.